

#GoodFoodGoodLife

Nestlé Dalam Masyarakat 2014



Nestlé

Good Food, Good Life

Menyentuk Kehidupan



Isi Kandungan

| | | |
|-----|-------|---|
| 002 | | Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan |
| 006 | | Maklumat Ringkas |
| 008 | | Legasi Nestlé |
| 009 | | Struktur Organisasi |
| 010 | | Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami |
| 012 | | Penglibatan Para Pemegang Berkepentingan |
| 016 | | Tadbir Urus |
| 018 | | Ringkasan Data Prestasi Utama |
| 020 | | Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat |
| 034 | | Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar |
| 048 | | Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami |
| 062 | | Para Pengguna dan Pasaran Kami |
| 072 | | Anugerah & Pencapaian |
| 074 | | Kandungan Asas GRI |



Rasa Hormat dan Keprihatinan
Kami terhadap Masyarakat

Komitmen Kami terhadap
Alam Sekitar

Warga Kerja dan
Persekitaran Kerja Kami

Para Pengguna dan
Pasaran Kami

Anugerah & Pencapaian




Nestlé

Good Food, Good Life

020 034 048 062 072

Konsep Menjana Nilai Bersama Nestlé yang berasaskan budaya pematuhan yang kukuh dan komitmen terhadap kemampanan, bertujuan untuk menjana manfaat yang berterusan untuk para pemegang berkepentingan serta masyarakat kami. Konsep ini telah diterap di dalam apa jua yang kami lakukan, dan terbukti bahawa kami mampu berjaya sebagai sebuah Syarikat dengan berbuat baik kepada masyarakat umum.



PESANAN KEPADA PEMEGANG BERKEPENTINGAN



Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah suatu pendekatan yang mencerminkan keinginan kami untuk membantu meningkatkan kualiti hidup dan mewujudkan kesejahteraan bagi masyarakat yang kami dampingi melalui operasi dan perniagaan kami. Ia juga menjadi asas keyakinan kami bahawa untuk Syarikat mencapai kejayaan, kami juga perlu memastikan bahawa komuniti di mana kami beroperasi turut menikmati kemakmuran yang sama.



Pengerusi kami Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Pengarah Urusan En. Alois Hofbauer, menanam cili di Ladang Cili Nestlé di Kelantan.

MEMENUHI KOMITMEN KAMI MELALUI MENJANA NILAI BERSAMA

Menjana Nilai Bersama (CSV) merupakan suatu elemen penting dalam cara Nestlé menjalankan perniagaan dan dapat digambarkan dengan baik dalam tiga bidang yang menjadi teras strategi perniagaan kami dan penting bagi kebajikan penduduk dan masyarakat – Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar – yang juga merupakan sebahagian daripada komitmen kemapanan yang kami laksanakan bagi membangun dan melindunginya untuk generasi akan datang.

Selain mematuhi undang-undang kebangsaan dan piawai antarabangsa, ianya disebabkan oleh CSV serta Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé yang membolehkan kami mampu berfungsi dan menjalankan pelbagai inisiatif dengan baik selama lebih daripada satu abad di Malaysia, dan secara langsung mendapat kepercayaan daripada para pengguna. Ini menunjukkan bahawa sebuah syarikat dapat mencapai kejayaan dengan berbuat baik untuk masyarakat.

Edisi Nestlé dalam Masyarakat: Laporan Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami, yang merupakan laporan kesembilan kami untuk tahun berakhir 31 Disember 2014 (melainkan dinyatakan sebaliknya) mencerminkan komitmen dan usaha kami untuk terus memenuhi janji kami 'Good Food, Good Life' dan menjana khasiat rakyat Malaysia dalam memberi fokus terhadap aktiviti dan inisiatif utama CSV yang diterapkan dalam operasi Kumpulan Nestlé (Malaysia) Berhad dan subsidiarinya* – Nestlé Products Sdn. Bhd. dan Nestlé Manufacturing Sdn. Bhd.

* Kilang-kilang di Shah Alam, Petaling Jaya, Batu Tiga, Chembong dan Kuching; Pejabat Jualan bagi Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Pantai Timur, Sabah dan Sarawak; Pusat Pengedaran Nasional di Bukit Raja, Selangor dan Ibu Pejabat di Mutiara Damansara, Selangor.

Seperti yang anda akan lihat, Laporan ini menggambarkan secara terperinci usaha kami dalam mewujudkan nilai dalam bidang-bidang yang paling relevan kepada Syarikat dan rangkaian nilai (sila lihat Nestlé dalam Masyarakat: Laporan Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami di muka surat 10 dan 11 untuk maklumat lanjut mengenai bidang tersebut). Sama ada ianya baru atau sedia ada, kami telah mulakan untuk menangani beberapa isu alam sekitar dan sosial yang dihadapi oleh negara ini seperti kesihatan – obesiti dan gaya hidup yang tidak aktif; alam sekitar – mengurangkan kesan karbon; amalan pertanian; dan kemiskinan luar bandar.

Sama seperti mana-mana perniagaan lain, perjalanan kami tidak terlepas daripada menghadapi cabaran baru dan/atau sedia ada di peringkat tempatan dan global, serta harus memenuhi keperluan pemakanan pengguna kami yang sentiasa berubah; menangani krisis ancaman air global; menambah baik dan mengoptimalkan pembungkusan produk kami; serta memastikan penggunaan minyak sawit mampan dalam rangkaian bekalan kami. Ini adalah isu yang kami telah tangani pada masa lalu, dan akan terus diperbaiki dalam jangka masa pertengahan hingga panjang pada masa hadapan. Matlamat dan sasaran khusus kami dalam bidang-bidang ini digariskan dalam bahagian masing-masing dalam Laporan ini.

PEMAKANAN

Kami meneruskan usaha dalam menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif melalui Program Nestlé *Healthy Kids*. Modul Sekolah Rendah program ini yang dilancarkan pada tahun 2010 dan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia kini telah memasuki fasa kedua, mencapai 77 buah sekolah berasrama harian di Sabah dan Sarawak dan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 4,500 kanak-kanak. Fasa 2 menyaksikan pelaksanaan sesi *Train-the-Trainer* dan Bengkel Pengendali Makanan, serta pelaksanaan modul yang dibangunkan oleh para pendidik dalam Fasa 1 program ini. Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati di muka surat 028 – 031 dalam Laporan ini.

AIR & ALAM SEKITAR

Komitmen Kami terhadap Air & Alam Sekitar menyaksikan pencapaian seterusnya dalam aspek mengurangkan sisa pepejal. Pada tahun 2014, lima daripada enam buah kilang Nestlé Malaysia berjaya mencapai 'Status Tapak Pelupusan Sifar Sisa', dengan semua bahan sisa pepejal 100% dikitar semula. Di samping itu, musim menuai inisiatif pertanian inovatif baru-baru ini – Kelab Padi Nestlé (NPC) - menyaksikan seramai 298 pesawah menuai sebanyak 5,044MT padi daripada 788 hektar sawah padi, dengan mencapai purata hasil 6.40MT/ha. Para pesawah ini yang juga merupakan ahli NPC mampu mencapai hasil yang tinggi dengan pelaksanaan kaedah penanaman padi yang menjimatkan air yang dinamakan *Semi-Aerobic Intensification* (SARI), yang telah terbukti mampu mengurangkan penggunaan air dan pelepasan metana dalam pengairan sawah.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Nestlé Malaysia terus mempertingkatkan kehidupan masyarakat berpendapatan rendah dalam beberapa cara, salah satu daripadanya ialah melalui Skim Perladangan Kontrak Cili, satu inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang tempatan bagi membantu mewujudkan peluang pendapatan baru dan meningkatkan hasil para petani tempatan di Kelantan. Program ini juga mewajibkan para petani tempatan ini untuk menanam cili berkualiti yang memenuhi standard global bagi menghasilkan Sos Cili MAGGI dan setakat ini, seramai 112 petani berjaya menghasilkan sebanyak 506 metrik tan cili segar dari lebih 45 hektar tanah.

Selain itu, Nestlé Malaysia turut menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang dilanda pada bulan Disember 2014 yang menjejaskan lima buah negeri iaitu Johor, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu. Sebagai tindak balas daripada peristiwa malang ini, Syarikat memberikan bantuan kepada mangsa, yang sesetengah

daripada mereka adalah warga kerja kami dan keluarga mereka melalui beberapa saluran termasuk bantuan makanan dan kutipan derma.

Sama seperti tahun lalu, kami telah melantik PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk mengesahkan Laporan kami berdasarkan piawaian *Global Reporting Initiative* (GRI) 3.1. Jaminan yang dilaksanakan adalah selaras dengan piawaian ISAE3000 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Auditing and Assurance Standards Board* (IAASB). ISAE3000 digunakan secara meluas oleh pembekal jaminan bebas untuk memberi bimbingan kepada prestasi jaminan laporan kemampunan, yang menggariskan tujuan serta semua elemen jaminan penglibatan.


Kami percaya bahawa Laporan ini 2014 menggambarkan usaha kami untuk berkomunikasi secara telus dengan para pemegang saham dan pemegang berkepentingan mengenai komitmen kami dalam penglibatan dengan masyarakat.

Kami berharap bahawa anda akan mendapati Laporan ini berguna dalam memberi anda pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana kami beroperasi, sejajar dengan matlamat kami untuk berkongsi maklumat jelas tentang kesan jangka panjang terhadap masyarakat dan bagaimana ia menjadi asas kepada kejayaan perniagaan jangka panjang kami.

Kami menghargai maklum balas anda dan mengalu-alukan cadangan anda bagi kami mempertingkatkan lagi usaha-usaha kami. Anda boleh mendapatkan butiran kami pada bahagian akhir Laporan ini.



**Tan Sri Dato' Seri
Syed Anwar Jamalullail**
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah



Alois Hofbauer
Pengarah Urusan

MAKLUMAT



Kumpulan Nestlé

- Diasaskan pada tahun 1866 oleh Henri Nestlé.
- Pengeluar makanan terbesar di dunia, beribu pejabat di Vevey, Switzerland.
- Beroperasi di lebih daripada 150 negara.
- Mempunyai 339,456 warga kerja di seluruh dunia.
- Memiliki 442 buah kilang di 86 negara.
- Lebih daripada 1 bilion produk dijual setiap hari yang mewakili lebih daripada 2,000 jenama global dan tempatan.
- Pusat penyelidikan pemakanan swasta terbesar di dunia, bertempat di Switzerland.
- 31 Pusat Penyelidikan & Pembangunan (*R&D*) dan Pusat Teknologi Produk di seluruh dunia (19 Pusat *R&D* dan 12 Pusat Teknologi Produk).
- Pelaburan global tahunan sebanyak CHF1.629 bilion dalam *R&D*.

RINGKAS

Nestlé Malaysia

- Beroperasi secara komersial di Malaysia sejak tahun 1912.
- Pengeluar makanan Halal terbesar dalam Kumpulan Nestlé dan merupakan Pusat Kecemerlangan Halal bagi Kumpulan Nestlé.
- Mempunyai 5,702 warga kerja.
- Menghasilkan lebih daripada 500 produk Halal, dengan jenama isi rumah terkenal seperti MILO, MAGGI dan NESCAFÉ.
- Mencatat perolehan sebanyak RM4.8 bilion bagi tahun 2014.
- Disenaraikan di Bursa Malaysia sejak tahun 1989.
- Ibu Pejabat di Mutiara Damansara, Selangor.
- Mengendalikan 7 kilang dan 1 Pusat Pengedaran Nasional.



Kategori Produk di Malaysia

- Minuman
- Makanan
- Tensu
- Minuman Cecair
- Pemakanan Bayi dan Ibu Mengandung
- Pemakanan Prestasi
- Pemakanan Penjagaan Kesihatan
- Bijirin Sarapan
- Tensu Dingin
- Ais Krim
- Konfeksi
- Nestlé Professional

LEGASI NESTLÉ



...memberi gambaran menyeluruh mengenai Nestlé dan komitmen kami terhadap janji kami setiap hari, tidak kira di mana jua, sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka.



Good Food, Good Life

LEGASI MENJANA NILAI BERSAMA NESTLÉ

Seorang ahli farmasi berbangsa Swiss yang juga pengasas Nestlé – Henri Nestlé – telah menghasilkan susu tepung pertama di dunia untuk kanak-kanak dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa anak jirannya yang tidak dapat menerima susu ibu. Produk yang telah tersebar di serata benua Eropah ini bertujuan untuk menangani masalah kematian bayi akibat kekurangan zat pemakanan. Di situlah bermulanya legasi Menjana Nilai Bersama Nestlé yang mana hari ini telah diterapkan dalam nilai-nilai dan Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat kami. Sejak 140 tahun yang lalu, Nestlé merupakan sebuah syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di dunia; komited untuk memperkembangkan perniagaannya berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip-prinsip yang bernas.

SARANG BURUNG: KEBANGGAAN NESTLÉ

Henri Nestlé telah menggunakan lambang keluarganya sebagai tanda perniagaan pada tahun 1867 dan perkataan Nestlé, yang bermaksud 'sarang kecil' difahami di serata dunia sebagai lambang kemesraan, keselamatan, khasiat, kekeluargaan, memupuk nilai-nilai murni dan keprihatinan.


ERTI 'GOOD FOOD, GOOD LIFE'

Kekurangan akses kepada makanan berkualiti boleh menyebabkan kekurangan zat pemakanan serta isu-isu kompleks yang lain. Oleh itu, Nestlé percaya bahawa makanan yang baik merupakan asas kepada kehidupan yang baik. Di samping menjadi sebuah syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka, Nestlé juga berazam untuk menjadi rujukan untuk prestasi kewangan serta dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan.

Langkah ini akan memacu kami ke hadapan dan diterapkan dalam apa jua yang kami lakukan. Ia akan membantu mencipta apa yang kami maksudkan dengan 'Good Food, Good Life'.



STRUKTUR ORGANISASI



Nestlé dalam Masyarakat:

MENJANA NILAI BERSAMA DAN MEMENUHI KOMITMEN KAMI

“Nestlé adalah tentang kualiti kehidupan dan pemakanan – atas dasar inilah kami terus berkembang sebagai sebuah syarikat. Namun apa yang relevan adalah nilai yang dijana: untuk pengguna, masyarakat dan perniagaan – memacu kelebihan daya saing dan Pembangunan & Penyelidikan, meletakkan kami di hadapan dalam membina nilai jenama.”

Paul Bulcke

Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.

Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk menjana nilai jangka panjang bagi para pemegang saham kami, kami perlu menjana nilai untuk masyarakat. Kami juga percaya bahawa dalam usaha kami untuk berkembang maju dalam jangka masa panjang, kami perlu memastikan bahawa komuniti di mana kami beroperasi turut menikmati kemakmuran.

Menjana Nilai Bersama adalah cara kami mengendalikan perniagaan dan kami memberi tumpuan bagi mewujudkan nilai untuk masyarakat dalam tiga bidang yang kami telah kenal pasti sebagai bidang yang berpotensi besar untuk penjana nilai bersama – Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar – yang merupakan teras kepada strategi perniagaan dan operasi kami.



Piramid Nestlé dalam Masyarakat



Pemakanan

Kenapa Pemakanan?

Makanan dan pemakanan adalah asas kepada kesihatan dan perniagaan kami – kerana inilah sebab kewujudan kami.



Air & Alam Sekitar

Kenapa Air?

Air merupakan salah satu sumber yang paling kritikal, kekurangannya akan memberi kesan yang ketara terhadap kualiti hidup serta operasi perniagaan kami.



Pembangunan Luar Bandar


Kenapa Pembangunan Luar Bandar?

Kesejahteraan menyeluruh pelbagai pihak yang berkepentingan – para petani, masyarakat luar bandar, usahawan kecil dan pembekal – adalah kunci kepada kejayaan kami yang berterusan dan menyumbang ke arah pembangunan negara.

Terdapat pelbagai contoh bagaimana kami menjana nilai untuk masyarakat di Malaysia, yang dihuraikan dalam Laporan ini, ia dibahagikan kepada empat bidang, selaras dengan syarat-syarat Bursa Malaysia:

1. **Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat**
2. **Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar**
3. **Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami**
4. **Para Pengguna dan Pasaran Kami**

MENJANA NILAI BERSAMA DI SETIAP PERINGKAT RANGKAIAN NILAI



011

“Kami percaya kami boleh memberikan sumbangan penting kepada masyarakat, dengan melangkaui tanggungjawab sosial korporat untuk menjana nilai melalui perniagaan teras kami, kepada pemegang saham dan masyarakat. Kami memberi keutamaan dalam bidang pemakanan, air dan pembangunan luar bandar untuk menjana nilai bersama; ini memerlukan pemikiran jangka panjang...”

*Peter Brabeck-Letmathe,
Pengerusi, Nestlé S.A.*

“Menjana Nilai Bersama dibina di atas asas komitmen kepada masyarakat, kedua-duanya untuk mencapai tahap pematuhan tertinggi dengan undang-undang, kod etika dan Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé kami sendiri serta untuk melindungi alam sekitar bagi generasi yang akan datang.”

*Paul Bulcke
Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.*

PENGLIBATAN PEMEGANG-PEMEGANG BERKEPENTINGAN



Para pemegang berkepentingan berkongsi maklum balas dan cadangan dengan Pengarah Urusan Nestlé, En. Alois Hofbauer, di sesi penglibatan pada bulan Disember 2014.



Penglibatan kami dengan para pemegang berkepentingan adalah berpandukan strategi Syarikat dalam membina dan melindungi kepercayaan dan didorong oleh falsafah Menjana Nilai Bersama kami.

Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk Syarikat untuk maju dan mencapai kejayaan, kami juga perlu menjana nilai dalam komuniti di mana kami beroperasi dan ini termasuk melibatkan diri dengan pemegang berkepentingan yang mana pendapat dan keprihatinan mereka berharga dalam membantu memenuhi komitmen kami, seterusnya membawa kami lebih dekat untuk mencapai matlamat kami untuk menjadi peneraju dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, serta menjadi rujukan industri bagi prestasi kewangan mampan yang dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan.

Pemegang berkepentingan yang kami libatkan adalah relevan dan penting kepada tiga bidang tumpuan utama dalam rangkaian nilai dan perniagaan Nestlé – Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar – dan mereka termasuklah wakil-wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan kerajaan yang meliputi sektor seperti Tadbir Urus Korporat, Alam Sekitar, Pembangunan Mampan, Pemakanan & Kesihatan dan Isu-isu Pengguna.

Penglibatan kami dengan mereka adalah berpandukan strategi Syarikat dalam membina dan melindungi kepercayaan dan didorong oleh falsafah Menjana Nilai Bersama kami; dan kami melibatkan mereka dalam pelbagai platform termasuk sesi dialog, forum, projek usaha sama, aktiviti pengguna serta sesi perbincangan meja bulat.

Diadakan pada bulan Disember di Hilton Kuala Lumpur dan bertemakan “*Building Partnerships to Create a Sustainable Future for Malaysia*”, sesi penglibatan ini menyaksikan para peserta berkongsi pendapat dan memberikan maklum balas mengenai topik-topik utama berikut yang boleh melibatkan dan diperbaiki oleh Nestlé:

- Nestlé perlu meluaskan dan memberikan bantuan dengan menyokong penyelidikan di universiti-universiti, serta para pelajar yang terlibat dalam penempatan klinikal;
- Di peringkat Komuniti, Nestlé perlu menyokong/memulakan lebih banyak perkongsian untuk mengurangkan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti mempertimbangkan kerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional dan/atau universiti dalam intervensi berasaskan komuniti yang mampan dan boleh diukur (dengan keputusan yang ketara);
- Program *Nestlé Healthy Kids* – meskipun program ini amat berkesan dengan hanya kerjasama semasa Syarikat dengan Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Nestlé juga perlu mengambil kira rakan-rakan yang lain untuk meningkatkan lagi program yang seterusnya merealisasikan konsep pendekatan pelbagai pemegang berkepentingan;
- Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di negara ini, Nestlé perlu meneruskan usaha tanggungjawab korporatnya dalam memastikan negara membangun dengan sihat.

KEMATANAN

Kematanan, sebagaimana yang ditakrifkan oleh *Global Reporting Initiative (GRI)*, merujuk kepada topik yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada keupayaan organisasi untuk mewujudkan, menghakis nilai ekonomi, alam sekitar dan sosial untuk dirinya sendiri, pemegang berkepentingan dan masyarakat umum.

Buat pertama kalinya dan sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memperbaiki laporan kami dan sudah tentu, perniagaan kami, kami telah memasukkan Matriks Kematanan ke dalam Laporan Nestlé dalam Masyarakat 2014 kami. Matriks ini menggariskan isu-isu yang paling penting kepada perniagaan kami dan pemegang berkepentingan kami, dan dengannya kami mampu menyusun semula keutamaan kami, seterusnya mengenal pasti cabaran masyarakat yang semakin penting yang perlu ditangani. Kami telah berbincang dengan pemegang berkepentingan kami dan memastikan isu-isu yang perlu diambil kira adalah seperti di bawah:

- Pemasaran produk kepada para pengguna kami;
- Keselamatan dan kualiti produk kami;
- Perkara yang berkaitan dengan pemakanan seperti kekurangan zat makanan dan obesiti.



Di masa hadapan, kami akan terus mengkaji dan berkongsi analisis kematanan kami setiap tahun.

GAMBAR
RAJAH 1

STRATEGI PENGLIBATAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN

LINDUNGI DAN BINA KEPERCAYAAN



GAMBAR
RAJAH 2

PROSES PENGLIBATAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN

MENGENALPASTI

Kami menganggap pemegang berkepentingan kami adalah mereka yang mempunyai kaitan dengan perniagaan kami dan mereka berminat dengan cara kami menguruskan perniagaan kami.

PENETAPAN & PENENTUAN

Proses penglibatan pemegang berkepentingan kami – dalaman dan luar – membolehkan kami mengikuti dan menguruskan isu-isu semasa.

TAHAP PENGLIBATAN

Kami memantau perubahan alam sekitar secara berterusan bagi membolehkan kami melibatkan pemegang berkepentingan secara telus dan adil.

TADBIR URUS

Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah cara kami mengendalikan perniagaan dan dalam struktur tadbir urus korporat am Nestlé, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah Eksekutif dengan sokongan badan urus tadbir lain bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengurusan peranan Nestlé dalam masyarakat dan CSV. Di samping itu, terdapat kumpulan penasihat luar seperti Majlis CSV dan Majlis Pemakanan Nestlé yang memberi nasihat mengenai strategi.

Lembaga Nestlé dalam Masyarakat juga telah ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan strategik inisiatif CSV bagi keseluruhan operasi perniagaan, serta menerajui perkembangan dan evolusi dan kemampuan objektif dan strategi di peringkat Kumpulan. Dari semasa ke semasa dan apabila perlu, Lembaga Pengarah akan mendapatkan pandangan dan pengesahan daripada Lembaga Eksekutif.


Tinjauan lanjut bagi konsep CSV dan menganalisis rangkaian nilai Nestlé akan dilaksanakan oleh Lembaga Penasihat CSV Nestlé, yang terdiri daripada 12 pakar terkemuka di dunia dalam bidang strategi korporat, Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Diberikan tanggungjawab selama tiga tahun, para pakar ini akan menyediakan Syarikat dengan pelbagai idea, cadangan dan maklum balas, yang akan membantu menilai kemajuan dan membincangkan peluang dan cabaran CSV. Idea dan cadangan akan dilaporkan kepada - Nestlé S.A., yang kemudiannya akan disebarkan kepada pasaran-pasaran Nestlé untuk dilaksanakan. Untuk senarai pakar-pakar yang menganggotai Lembaga Penasihat, sila layari: <http://www.nestle.com/csv/what-is-csv/governance>

Di Nestlé Malaysia, Majlis CSV telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk memastikan bahawa CSV wujud di setiap kategori dan operasi jenama. Majlis yang terdiri daripada wakil-wakil atau dipanggil Juara CSV dari semua Unit Perniagaan dan Jabatan Sokongan yang diketuai oleh Jabatan Hal Ehwal Korporat Kumpulan (GCAD).

Di samping bertanggungjawab menerajui dalam penetapan inisiatif CSV dalam Unit Perniagaan mereka dan memastikan semua aktiviti dijalankan sejajar dengan polisi Syarikat berhubung kemampuan dan CSV, mereka juga bertindak sebagai Juara *Global Reporting Initiative* (GRI), yang bertanggungjawab memantau aktiviti dan penilaian yang diperlukan serta memastikan prosedur pelaporan yang tepat dipatuhi berdasarkan piawaian dan garis panduan pelaporan GRI.

GAMBAR RAJAH 3

TADBIR URUS MENJANA NILAI BERSAMA, KEMAMPANAN DAN PEMATUHAN KUMPULAN NESTLÉ



GAMBAR RAJAH 4

PEMBANGUNAN STRATEGI CSV SECARA GLOBAL DAN KAEDAH PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA



RINGKASAN DATA PRESTASI UTAMA

Sejajar dengan Global Reporting Initiative (GRI), kami telah menyertakan satu set petunjuk ekonomi dalam Laporan tahun ini:

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|------------|------------|-------------------|
| Pasaran | | | | |
| PEMAKANAN | | | | |
| Produk memenuhi atau melebihi kriteria profil Asas Pemakanan (% jualan) | # | 78% | 78% | 77% |
| Produk memenuhi atau melebihi pilihan citarasa pengguna (% jualan) | # | 80% | 89% | 88% |
| Produk dengan tambahan khasiat pemakanan berbanding pesaing (% jualan) | # | 52% | 53% | 51% |
| Produk dengan kenyataan nutrisi di hadapan bungkus | PR3 | 67% | 62% | 59% |
| Produk yang disertakan dengan KOMPAS PEMAKANAN NESTLÉ (% jualan) | PR3 | 100% | 100% | 100% |
| Produk dengan label Garis Panduan Jumlah Harian (GDA) (% jualan) | PR3 | 98% | 98% | 98% |
| Kesan Alam Sekitar Kami | | | | |
| Jumlah tenaga (GJ) ¹ | EN5 | 1,479,099 | 1,526,031 | 1,346,213 |
| Jumlah tenaga setiap tan (GJ/tan) ¹ | EN5 | 3.94 | 3.82 | 3.53 |
| Jumlah pelepasan tenaga rumah hijau langsung dan tidak langsung (tan CO ₂) ² | EN16 | 158,901 | 171,747 | 159,538 |
| Jumlah air dibuang oleh sumber (m ³ /tahun) | EN8 | 1,734,455 | 1,863,027 | 1,710,038 |
| Jumlah air dikitar semula setiap penggunaan semula (m ³ /tahun) | EN10 | 80,710 | 80,710 | 80,710 |
| Sisa tapak pelupusan (tan) | EN22 | 4,698 | 1,990 | 160 |
| Bahan dikitar semula (tan) ³ | EN22 | 11,561 | 13,303 | 11,895 |
| Warga Kerja Kami | | | | |
| Saiz tenaga kerja | LA1 | 5,881 | 5,847 | 5,702 |
| Kadar Kekerapan Kehilangan Masa Kecederaan | LA7 | 1.2 | 1.4 | 1.5 |
| Kedudukan pemimpin dipegang oleh wanita | LA13 | 42% | 37% | 43% |
| Komuniti Kami | | | | |
| <i>Bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam program intervensi Nestlé Healthy Kids:</i> | | | | |
| Modul Sekolah Rendah | | 189 | 136 | 4,835 |
| Modul Sekolah Menengah | | 4,954 | 4,954 | 4,954 |
| <i>Projek RiLeaf:</i> | | | | |
| Bilangan pokok yang telah ditanam | | 90,884 | 56,706 | 114,524 |
| Jumlah pembelian benih daripada KAPOK (RM) | | 128,353.50 | 85,059.00 | 175,960.50 |
| Jumlah keseluruhan kerja kontrak untuk penanaman pokok (RM) | | 164,671.20 | 102,077.60 | 188,847.00 |

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|--------------|--------------|------------------|
| <i>Kelab Padi Nestlé:</i> | | | | |
| Bilangan pesawah yang terlibat/mendapat manfaat daripada projek (Jan/Feb) | | 104 | 289 | 310 |
| Bilangan pesawah yang terlibat/mendapat manfaat daripada projek (Ogos/Sept) | | 170 | 312 | 298 |
| Jumlah keseluruhan hektar yang diliputi (Jan/Feb) | | 274 | 765 | 814 |
| Jumlah keseluruhan hektar yang diliputi (Ogos/Sept) | | 475 | 807 | 788 |
| <i>Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia:</i> | | | | |
| Bilangan ahli PEWANIS yang terlibat (aktif & tidak aktif) | | 13 | 20 | 45 |
| <i>Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKs):</i> | | | | |
| Bilangan sukarelawan (warga kerja & bukan warga kerja) | | 221 | 209 | 152 |
| Jumlah masa sukarelawan (jam) | | 1,193 | 952 | 835.5 |
| Ekonomi | | | | |
| KESAN OPERASI | | | | |
| Bilangan jumlah kilang | # | 7 | 7 | 7 |
| PENJANAAN NILAI (RM'000) | | | | |
| Jumlah jualan bagi Malaysia | EC1 | 4,556,243 | 4,787,925 | 4,808,933 |
| PENGEDARAN NILAI (RM'000) | | | | |
| Perolehan | | 4,556,243.00 | 4,787,925.00 | 4,808,933 |
| Kos operasi | | 896,309.00 | 963,375.00 | 975,005 |
| Cukai | | 132,316.00 | 157,353.00 | 150,803 |
| Keuntungan bersih | | 505,352.00 | 561,701.00 | 550,384 |
| Pendapatan sesaham (sen) ⁴ | | 215.50 | 239.53 | 234.71 |
| Dividen bersih sesaham (sen) | | 210.00 | 235.00 | 235.00 |
| Hasil dividen | | 3.3% | 3.5% | 3.4 |

Penanda khusus Nestlé

¹ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

² Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

³ Semua kitar semula dan tapak pelupusan sisa diuruskan oleh Syarikat Pengurusan Sisa yang dilantik dan diberi kuasa.

⁴ Pendapatan sesaham berdasarkan keuntungan selepas cukai.

RASA HORMAT DAN KEPRIHATINAN KAMI TERHADAP MASYARAKAT

Berkongsi ilmu dan kepakaran kami dalam bidang-bidang yang relevan dengan rangkaian nilai kami seperti pemakanan dan amalan pertanian yang baik adalah sebahagian daripada cara kami menjana nilai bersama untuk masyarakat yang kami libatkan menerusi perniagaan kami.





Sekumpulan kanak-kanak sekolah rendah bersama bahan pendidikan semasa salah satu sesi modul program Nestlé Healthy Kids, satu inisiatif yang bertujuan untuk mempromosikan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif.

Program Global
Healthy Kids

Pendekatan
pelbagai kerjasama

Melibatkan

68

negara

280

rakan pelaksana

6.9

juta kanak-kanak
pada tahun 2013
sahaja

Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di negara ini, tanggungjawab kami melangkaui lebih daripada para pemegang saham, warga kerja dan pengguna kami. Selain daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan komuniti yang terlibat dalam inisiatif alam sekitar Syarikat (sila rujuk bahagian *Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar* dalam laporan ini di muka surat 34-37) dan program sukarelawan warga kerja untuk masyarakat (seperti yang digariskan dalam bahagian *Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami* yang dipaparkan di muka surat 55 & 56), Nestlé juga menangani isu-isu berkaitan dengan kesihatan seperti kekurangan zat pemakanan dan obesiti, gaya hidup pasif dan penuaan populasi. Permasalahan ini

ditangani melalui inisiatif yang diwujudkan dan dilaksanakan selaras dengan salah satu bidang tumpuan Menjana Nilai Bersama kami – Pemakanan – memandangkan makanan adalah asas kepada kesihatan dan sudah tentu, menjadi teras perniagaan kami.

Selain daripada itu, Nestlé juga prihatin terhadap Matlamat Pembangunan Milenium Bangsa-bangsa Bersatu (MDG), di mana kami dapat membantu menerusi usaha kami bersama organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam beberapa inisiatif masyarakat yang tertumpu kepada membasmi kemiskinan; kesamarataan kuasa jantina; pendidikan dan kemampanan alam sekitar, kesemuanya dipaparkan pada muka surat 26 & 27 dan 41 & 42 laporan ini.



Para pelajar aktif ketika sesi senaman aerobik di bawah topik 'Jom Aktif' modul program Nestlé Healthy Kids.

MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PEMAKANAN, KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN MELALUI PROGRAM *NESTLÉ HEALTHY KIDS*

Melakukan aktiviti fizikal dan mengambil pemakanan yang sihat boleh membantu kanak-kanak mencapai dan mengekalkan berat badan yang sihat. Oleh yang demikian, program *Nestlé Healthy Kids* telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif global untuk menggalakkan gaya hidup dan pemakanan sihat untuk kanak-kanak.

Objektifnya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pemakanan dan menggalakkan aktiviti-aktiviti fizikal di kalangan murid-murid sekolah, dan pada akhir tahun 2013, Nestlé telah bekerjasama aktif dengan lebih daripada 280 rakan untuk menjayakan Program Global Healthy Kids di 68 buah negara (2012: 64 negara). Usaha-usaha ini telah meningkatkan pengetahuan asas kanak-kanak tentang kepentingan pemakanan dan senaman yang melibatkan 6.9 juta kanak-kanak pada tahun 2013 sahaja (sumber: *Nestlé in Society Global Report 2013*).

Kunci kejayaan program ini adalah kualiti pasukan pakar yang membangunkan bahan-bahan dan kurikulum pendidikan untuk memenuhi keperluan khusus komuniti tempatan, dan di Malaysia program ini mula diperkenalkan pada tahun 2010 dengan kerjasama dengan Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM).

Keseluruhan program di Malaysia pada asasnya terbahagi kepada dua komponen – Modul Sekolah Rendah (Program *Nestlé Healthy Kids*) dan Modul Sekolah Menengah, juga dikenali sebagai Program Cara Hidup Sihat.

Modul Sekolah Rendah disasarkan untuk murid-murid sekolah yang berumur 7-12 tahun, dan terdiri daripada dua bahagian – kempen kesedaran interaktif dan komponen penyelidikan selama tiga tahun yang melibatkan kumpulan intervensi. Nestlé juga mendekati golongan yang dianggap paling berpengaruh kepada kanak-kanak – ibu bapa dan guru-guru mereka melalui bengkel dan seminar. Topik-topik yang dikongsi, diajar dan dibincangkan dalam semua sesi meliputi pemakanan dan aktiviti fizikal. Komponen Sekolah Rendah diperjelaskan lagi sebagai Kajian Kes di muka surat 28-31.

Berikutan kejayaan Modul Sekolah Rendah, Modul Sekolah Menengah iaitu Program Cara Hidup Sihat telah dibangunkan dan dilancarkan pada bulan Disember 2012 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Begitu juga, program selama tiga tahun ini bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan murid-murid sekolah menengah dari 100 buah sekolah asrama harian yang dipilih di seluruh negara¹ dengan menggunakan sub-modul 10 '*Healthy Eating & Be Active among Teens*' (HEBAT).

¹ 100 Sekolah Asrama Harian terpilih di seluruh negara, termasuk Sabah & Sarawak dan 50 kumpulan kawalan untuk kajian dan penyelidikan UPM.

Sub-modul HEBAT
berjaya melibatkan
penyertaan
seramai:

4,954
pelajar

203
guru dan
warden

332
pengusaha
makanan



Sekumpulan pelajar sekolah menengah sedang menumpukan perhatian dalam salah satu sesi modul Program Cara Hidup Sihat.

“Dengan bangganya saya mengumumkan bahawa Program Cara Hidup Sihat – yang merupakan program yang pertama diwujudkan bagi kalangan muda Malaysia – telahpun berjaya dilaksanakan dan kami juga telah menerima maklum balas yang menggalakkan berkenaan modul HEBAT daripada para guru dan pelajar. Saya amat berterima kasih kepada rakan kerjasama Nestlé Malaysia dan Kementerian Pelajaran untuk sokongan yang berterusan selama tiga tahun,” kata Dr. Chin Yit Siew selaku penyelidik UPM dan rakan kerjasama program tersebut.

Fasa pertama, yang merangkumi 4 daripada 10 sub-modul HEBAT melibatkan penyertaan sejumlah 4,954 pelajar, 203 guru dan warden serta 332 pengusaha kantin. Baki 6 sub modul dilaksanakan dalam fasa kedua program ini, dan dipantau oleh guru-guru hal ehwal pelajar dan warden dari sekolah-sekolah yang terlibat. Pada masa ini, seramai 202 guru dan warden telah dilatih dalam bengkel ‘Train-the-Trainer’ dan 293 guru, pengendali makanan dan ketua tukang masak menghadiri sesi ‘Latihan Pengendali Makanan’.

Keputusan dan hasil program pada masa yang sama dikaji oleh penyelidik UPM yang terlibat dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan menunjukkan peningkatan positif dalam pemarkahan Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) gaya hidup sihat dan pengambilan makanan di kalangan para peserta dalam kumpulan intervensi, serta tahap aktiviti fizikal yang lebih tinggi dan pengurangan kadar obesiti.



Para pelajar SMK Penanti, Kubang Semang, Pulau Pinang muncul juara Pertandingan Masakan Sekolah Menengah MAGGI 2014.

MENCUNGKIL BAKAT MASTERCHEF KITA – MEMUPUK MINAT SENI KULINARI MELALUI PERTANDINGAN MEMASAK

Memasak telah berkembang daripada satu keperluan kepada satu bentuk seni dan telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup kita. Sejak kebelakangan ini telah memperlihatkan peningkatan minat memasak di kalangan generasi muda, yang dibuktikan melalui program-program TV yang popular seperti Junior Masterchef Amerika Syarikat dan Australia.

Nestlé Malaysia turut menyumbang kepada perkembangan ini melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru Ekonomi Rumah Tangga, Unit Teknikal dan Vokasional Negeri dan Unit Ko-kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri untuk memulakan Pertandingan Memasak sekolah menengah MAGGI pada tahun 1997. Dengan sasaran untuk memberi inspirasi kepada cef muda yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun, pertandingan itu bertujuan untuk memupuk

minat memasak dan menggalakkan seni kulinari sebagai satu kerjaya pilihan alternatif, dan meningkatkan kesedaran melalui demonstrasi memasak dan ceramah pemakanan mengenai kepentingan mengambil diet yang sihat dan seimbang.

Edisi ke-18 pertandingan ini telah yang diadakan pada 2014 menyaksikan 4,800 penyertaan yang mewakili 1,600 buah sekolah dari seluruh negara.

Setelah bersaing dalam tiga pusingan yang mencabar di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, pasukan dari SMK Penanti, Kubang Semang, Pulau Pinang muncul sebagai juara edisi 2014 dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM2,000, piala, sijil dan hamper MAGGI. Di samping itu, pihak sekolah juga menerima wang tunai RM1,000 tunai bagi dana Kemahiran Hidup Bersepadu.

210

kanak-kanak di

tujuh

lokasi termasuk
Kelantan, Kedah,
Johor, Sarawak,
Pulau Pinang dan
Selangor

MEMUPUK GAYA HIDUP SIHAT MELALUI SUKAN

Sejak sekian lama, MILO telah menerajui pembangunan sukan di Malaysia dan telah melaksanakan pelbagai kempen dengan jayanya, termasuk *Play More Learn More*, *Go Further Camp* dan HIDUP BOLA. Inisiatif ini bertujuan bagi menggalakkan kanak-kanak untuk mengambil bahagian di dalam sukan, kerana jenama ini mempercayai bahawa ia adalah aspek yang penting bagi perkembangan kanak-kanak dan sebahagian daripada asas untuk membesar.

Sebagai lanjutan kepada pertandingan futsal HIDUP BOLA, MILO telah menganjurkan satu siri klinik futsal yang disasarkan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur di antara 7 hingga 11 tahun. Semasa sesi ini, kanak-kanak diajar tentang aspek-aspek teknikal permainan, peraturan, maklumat pemakanan yang mudah, serta kepentingan senaman memanaskan dan menyejukkan badan.

Secara keseluruhan, klinik yang dianjurkan telah berjaya menarik penyertaan seramai 210 kanak-kanak di tujuh lokasi di Kelantan, Kedah, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Selangor, serta di Pusingan Akhir yang diadakan di Sport Planet di Ampang, Selangor.



Seorang petani Kelab Cili Nestlé sedang memetik cili segar.

MEMPERTINGKATKAN HIDUP KOMUNITI BERPENDAPATAN RENDAH

Menerusi Jabatan Pertanian, Nestlé bekerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam mengendalikan sebuah Skim Perladangan Cili Kontrak yang bertujuan untuk meningkatkan hasil dan kualiti tanaman bagi memenuhi piawaian tahap global.

Bermula pada tahun 1995, usaha sama ini melibatkan para petani tempatan untuk menanam cili berkualiti untuk menghasilkan Sos Cili MAGGI. Kini, terdapat 112 para petani yang menghasilkan sebanyak 506 tan metrik cili segar daripada 45 hektar tanah. Mereka juga telah ditauliah dengan kecemerlangan untuk amalan pertanian Skim Amanah Ladang Malaysia (SALAM).

Pengesahan SALAM ini juga merupakan salah satu syarat yang diperlukan bagi jenama 'Malaysia Best' iaitu kelulusan daripada Kementerian Pertanian yang dikenali secara tempatan dan antarabangsa, serta jaminan kualiti untuk para pengguna mengenai produk-produk pertanian Malaysia.



Seorang peserta mencuba nasib di salah satu klinik futsal MILO HIDUP BOLA.



Persatuan Wanita Kampung Mangkok Setiu (PEWANIS) merupakan penjaga alam sekitar rasmi buat Tanah Bencah Setiu dan ini adalah hasil daripada projek usaha sama Nestlé Malaysia dan WWF-Malaysia.

MEMPERKASAKAN WANITA

Sejak tahun 2006, Nestlé telah bekerjasama dengan WWF-Malaysia untuk meningkatkan kehidupan buat sekumpulan wanita – Persatuan Wanita Kampung Mangkok Setiu – atau lebih dikenali sebagai PEWANIS. Selain membina keupayaan, projek ini juga memperkasakan mereka untuk menjadi penjaga alam sekitar rasmi buat Tanah Bencah Setiu yang juga merupakan tempat tinggal kepada penyu hijau dan tuntung yang terancam.

Setelah sembilan tahun, tanah bencah tersebut telah berjaya dipulihara dengan penanaman aktif anak pokok paya bakau. Projek ini juga telah membangunkan manfaat ekonomi kawasan disebabkan oleh kesedaran penjagaan alam sekitar yang kukuh, di mana wanita-wanita PEWANIS juga telah meneroka bidang pelancongan serta menjalankan program 'home-stay' untuk pengunjung-pengunjung tempatan dan antarabangsa.

MENYEDIAKAN BANTUAN UNTUK MANGSA BANJIR

Nestlé Malaysia telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang melanda lima buah negeri di Malaysia iaitu Johor, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu. Mangsa-mangsa ini termasuklah warga kerja Syarikat serta ahli keluarga mereka dan oleh itu, Nestlé Malaysia telah menghulurkan bantuan seperti berikut:

- Bekalan Makanan – Produk-produk seperti MAGGI Hot Cup, MILO, NESCAFÉ and Bijirin Sarapan NESTLÉ telah dihantar dan diagihkan ke pusat-pusat bantuan menerusi van-sampel makanan. Selain daripada itu, 50,000 cawan MAGGI Hot Cup telah didermakan kepada Pengumpulan Bantuan Banjir Media Prima yang dijual menerusi aktiviti Jom Heboh;
- Kempen Derma ROCKS – Program Sukarelawan Syarikat telah bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) untuk mengumpul barang-barang keperluan seperti beras, bantal dan barang keperluan kebersihan. Setelah dikumpul, ahli-ahli ROCKS membungkus barang-barang tersebut sebelum ianya diberikan kepada MRCS untuk diedarkan ke pusat-pusat bantuan (senarai barangan tersebut terdapa pada muka surat 55-56 di bawah bahagian Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami, Program Sukarelawan Nestlé ROCKS);
- Pendermaan menerusi pembelian produk-produk Nestlé;
- Bantuan dan sokongan sementara bagi tempat tinggal dan duit diluluskan secepat mungkin untuk membiayai warga kerja yang terjejas, sepertimana yang tertera didalam Polisi Bantuan Bencana Alam Syarikat.



Warga kerja Nestlé Malaysia membantu membungkus barangan untuk mangsa banjir pada bulan Disember 2014.

Kajian Kes

PROGRAM NESTLÉ HEALTHY KIDS (NHK) – FASA 2

Objektif

- Memperluaskan capaian Program NHK kepada lebih ramai murid sekolah berumur di antara 7-12 tahun
- Mewujudkan kesedaran di kalangan pengendali makanan terhadap penyediaan makanan sihat dan berkhasiat untuk murid-murid sekolah
- Membangunkan modul-modul pendidikan bagi Kementerian Pendidikan untuk dilaksanakan di semua sekolah di seluruh negara

LATAR BELAKANG – PERKEMBANGAN TERKINI KAMI

Modul sekolah rendah Program *Nestlé Healthy Kids* telah dilancarkan pada bulan Ogos 2010 bagi menangani isu-isu yang kompleks seperti kekurangan zat makanan dan obesiti, serta meningkatkan kesedaran akan kepentingan dan manfaat gaya hidup sihat di kalangan murid-murid sekolah di Malaysia yang berumur 7-12 tahun. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) melalui dua fasa selama tiga tahun.

Fasa 1 telah dijalankan di antara tahun 2010 dan 2014 yang melibatkan komponen kesedaran interaktif yang memberi tumpuan kepada pemakanan dan aktiviti fizikal yang berjalan serentak dengan kajian intervensi. Aktiviti-aktiviti sepanjang tempoh Fasa 1 termasuk:

- Pakej Pendidikan Pemakanan – bahan-bahan pendidikan untuk kanak-kanak yang merangkumi buku-buku komik, penanda buku dan poster; serta buku panduan untuk ibu bapa; dan lain-lain.
- Bengkel Ibu Bapa-Anak bagi ibu bapa dan kanak-kanak untuk membincangkan dan belajar dengan para pakar tentang pemakanan kanak-kanak dan gaya hidup sihat.
- Seminar dan bengkel Ibu Bapa-Guru, yang berperanan sebagai platform perbincangan di samping untuk berkongsi maklumat pemakanan, pengetahuan dan maklumat terkini mengenai pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) di kalangan generasi muda.
- Pembangunan laman web **Program Nestlé Healthy Kids** (www.healthykids.org.my) yang mengandungi bahan-bahan pendidikan dan permainan interaktif untuk mendidik ibu bapa dan kanak-kanak tentang pemakanan sihat dan menggalakkan gaya hidup aktif.



Para pelajar SK Tengkurus sedang mempelajari tentang pemakanan menerusi Pakej Pendidikan Pemakanan Program Nestlé Healthy Kids.



Kanak-kanak ini mempelajari tentang pemakanan dengan cara yang menyeronokkan menerusi bahan-bahan pendidikan yang mudah dan berwarna-warni yang disediakan untuk mereka sebahagian daripada program Nestlé Healthy Kids.

- Penilaian impak terhadap pengetahuan dan pemeriksaan Indeks Jisim Badan (BMI) untuk menilai status pemakanan murid-murid yang terlibat.
- Kursus *Kids Athletics* IAAF dalam sukan secara umum, bertujuan untuk membangunkan dan memperkukuh komponen aktiviti fizikal program *Nestlé Healthy Kids*, bagi membantu membangunkan dan mencungkil bakat atlet masa depan dalam komuniti sekolah.

Kejayaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Fasa 1 menghasilkan pembangunan modul-modul pendidikan dan penubuhan Jawatankuasa Pakar NHK, yang terdiri daripada pakar-pakar kesihatan terkemuka dari Persatuan Pemakanan Malaysia.

(untuk butiran lebih terperinci mengenai aktiviti-aktiviti dan pencapaian Fasa 1 NHK, sila rujuk Laporan Nestlé Menjana Nilai Bersama 2012 dan Laporan Nestlé dalam Masyarakat 2013)

FASA 2 (2014-2016) program NHK meluaskan jangkauan kesedaran ke sekolah-sekolah di Malaysia Timur melalui tiga komponen:

1. Bengkel *Train-the-Trainers*
2. Pelaksanaan modul-modul yang dibangunkan dalam Fasa 1 oleh para pendidik
3. Melibatkan para pengendali makanan

Senarai sekolah yang mengambil bahagian disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Sabah, dan Nestlé meneruskan kerjasama dengan NSM untuk menjayakan program ini.

Aktiviti-aktiviti

1. Menganjurkan bengkel '*Train-the-Trainer*' yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pakar NHK. Bengkel ini bertujuan untuk melatih guru-guru dan warden tentang modul *Nestlé Healthy Kids*, yang merangkumi topik-topik kesihatan seperti Amalan Tabiat Sihat, Makan Mengikut Masa, Jom Aktif dan Kebersihan Diri.

2. Bengkel Pengendali Makanan, dengan penyertaan daripada mereka yang bertanggungjawab dalam menyediakan makanan untuk murid-murid di asrama seperti ketua tukang masak, penyelia, pengusaha kantin dan pembantu hal ehwal pelajar.
 - Memberi pengetahuan mengenai pemakanan asas dan prinsip-prinsip penyediaan makanan yang sihat. Mereka berpeluang untuk melihat betapa mudahnya hidangan kantin di asrama seperti Ayam Goreng Berempah, Nasi Ayam Hainan dan Kari Ayam dengan Kentang boleh dijadikan lebih berkhasiat dan sihat melalui demonstrasi memasak.
 - Mereka juga diajar tentang kepentingan keselamatan dan kebersihan makanan.



Bengkel Pengendali Makanan yang diadakan bertujuan untuk mendidik para peserta cara-cara untuk menyediakan makanan sihat dan berkhasiat untuk kanak-kanak sekolah.



Para guru dan warden aktif bersenam semasa modul aktiviti fizikal yang dijalankan di bengkel Train-the-Trainers.

Pencapaian*

| Aktiviti | Pencapaian |
|---|--|
| Pelaksanaan modul-modul program NHK di Malaysia Timur | Sejumlah 77 sekolah asrama harian di Sabah dan Sarawak telah terlibat, memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 4,500 kanak-kanak |
| Bengkel <i>Train-the-Trainers</i> | Bengkel selama empat hari yang menyaksikan penyertaan 166 guru dan warden |
| Bengkel Pengendali Makanan | Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 227 peserta |

PERKEMBANGAN SETERUSNYA

Nestlé akan terus menganjurkan bengkel untuk memberi latihan kepada pelatih, dan mewujudkan kesedaran di kalangan lebih ramai pengendali makanan yang terlibat dalam penyediaan makanan bagi sekolah-sekolah yang mengambil bahagian.

Di samping itu, Jawatankuasa Pakar NHK akan terus memantau perkembangan dan impak modul-modul, dan akan memperbaiki bahagian-bahagian, di mana perlu, berdasarkan maklum balas daripada para peserta.

Objektif utama masih kekal untuk membangunkan modul-modul bagi menyediakan satu pendekatan dan prosedur yang standard untuk menggalakkan amalan pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif di kalangan murid-murid sekolah. Modul-modul ini akan diselaraskan lagi pada penghujung Fasa 2 dan akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan dengan matlamat untuk menerapkannya ke dalam kurikulum kebangsaan sedia ada.

77
sekolah asrama
harian

Sekurang-
kurangnya
4,500
kanak-kanak

166
guru dan
warden

227
peserta

KOMUNITI KAMI – PRESTASI KAMI

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|--|----------------|-----------|-----------|-----------|
| PROJEK KOMUNITI UTAMA | | | | |
| Program Nestlé Healthy Kids¹ | | | | |
| Modul Sekolah Rendah | | | | |
| Bilangan sekolah yang terlibat | | 6 | 6 | 77 |
| Jumlah bilangan pelajar yang terlibat dalam program intervensi | | 189 | 136 | 4,835 |
| Jumlah bilangan kunjungan ke Laman Web Healthy Kids | | 50,159 | 51,395 | 19,821 |
| Jumlah bilangan laman yang dilihat di Laman Web Healthy Kids | | 182, 896 | 164,303 | 51,282 |
| Modul Sekolah Menengah | | | | |
| Bilangan sekolah yang terlibat | | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah bilangan pelajar yang terlibat dalam program intervensi | | 4,954 | 4,954 | 4,954 |
| Jumlah bilangan guru dan warden yang dilatih dalam modul pendidikan | | 203 | 203 | 202 |
| Jumlah bilangan guru, pengusaha kantin dan ketua tukang masak yang dilatih dalam masakan sihat | | 332 | 332 | 293 |
| Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI² | | | | |
| Bilangan sekolah yang terlibat | | 1,600 | 1,680 | 1,600 |
| Bilangan pelajar yang mengambil bahagian | | 4,800 | 5,040 | 4,800 |
| Kejohanan Taekwondo Junior KOKO KRUNCH³ | | | | |
| Bilangan peserta yang mengambil bahagian | | 1,800 | 1,800 | 1,800 |
| Kelab Padi Nestlé, Kedah⁴ | | | | |
| Bilangan pesawah yang terlibat/mendapat manfaat daripada projek (Jan/Feb) | | 104 | 289 | 310 |
| Bilangan pesawah yang terlibat/mendapat manfaat daripada projek (Ogos/Sept) | | 170 | 312 | 298 |
| Hasil purata (Jan/Feb) | | 4.48MT/ha | 5.02MT/ha | 5.85MT/ha |
| Hasil purata (Ogos/Sept) | | 6.85MT/ha | 7.06MT/ha | 6.40MT/ha |
| Jumlah keseluruhan hektar yang diliputi (Jan/Feb) | | 274 | 765 | 814 |
| Jumlah keseluruhan hektar yang diliputi (Ogos/Sept) | | 475 | 807 | 788 |

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|-------|-------|--------------|
| Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKS)⁵ | | | | |
| Bilangan aktiviti | # | 19 | 11 | 14 |
| Bilangan sukarelawan: | | | | |
| i) Kakitangan | # | 212 | 205 | 146 |
| ii) Bukan kakitangan | # | 9 | 4 | 6 |
| Jumlah masa sukarelawan (jam) | # | 1,193 | 952 | 835.5 |
| Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia⁶ | | | | |
| Aktiviti menanam pokok bakau (bilangan anak pokok yang ditanam) | EN13 | 640 | 1,065 | 388 |
| Program outreach (di luar Kg. Mangkuk) | | 5 | 5 | 1 |
| Bilangan ahli PEWANIS: | | | | |
| i) Ahli yang aktif | # | 10 | 15 | 15 |
| ii) Ahli kurang aktif | # | 3 | 5 | 30 |

Penanda khusus Nestlé.

¹ Sumber: Pengoptimuman Laporan Enjin Carian Google Analitis, dari Januari hingga Disember 2014 & Laporan Aktiviti Penuh Persatuan Pemakanan Malaysia 2014.

² Sumber: Surat penghargaan rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

³ Sumber: Pelbagai artikel media oleh Pasukan Jenama Bijirin Sarapan dan laporan agensi pihak ketiga.

⁴ Sumber: Laporan Hasil oleh pengilang padi di Kedah (Ban Eng Hin & Chuan Huat Bee Kah).

⁵ Sumber: Laporan Kehadiran oleh Bahagian Sumber Manusia Kumpulan Nestlé.

⁶ Sumber: Laporan Projek 2014 oleh WWF-Malaysia.

KOMITMEN KAMI TERHADAP **ALAM SEKITAR**

Kami membantu untuk memelihara alam sekitar dan sumber asli yang kekurangan, untuk masa sekarang dan generasi masa hadapan, dengan mempertingkatkan kecekapan operasi kami serta melibatkan rakan kerja kami untuk terus mengoptimumkan prestasi alam sekitar bagi produk-produk kami di dalam rangkaian nilai.

Selain daripada itu, kami juga telah melaksanakan beberapa projek untuk meningkatkan kesedaran pemuliharaan alam sekitar; menggalakkan pengitaran semula; dan memupuk amalan alam sekitar terbaik dalam rangkaian nilai kami.





Kami memastikan bahawa 100% sisa air dari kilang-kilang kami dirawat dan mematuhi peraturan alam sekitar tempatan sebelum dilepaskan.

Berkongsi Visi, Perjalanan dan Kesan Alam Sekitar Kami

Rasa hormat sentiasa menjadi pegangan Nestlé – Rasa hormat kepada masyarakat di mana Syarikat beroperasi; rasa hormat kepada alam sekitar; dan rasa hormat kepada generasi masa hadapan.

Paul Bulcke,

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé S.A. dan pengerusi bersama Forum “The Consumer Goods”.

Pengeluaran dan penggunaan makanan mengambil bahagian besar daripada sumber di dunia, kami beroperasi dalam persekitaran di mana air semakin terhad dan biodiversiti kian merosot. Selain itu, dengan perubahan iklim yang memburukkan lagi cabaran ini, kami perlu memastikan bahawa prinsip keselamatan diterapkan di dalam semua aktiviti, jenama dan produk kami.

Nestlé menerajui usaha-usaha dalam menangani perubahan iklim, mewujudkan amalan perniagaan kami di sepanjang rangkaian bekalan. Dari segi praktikal, kami terus melaksanakan usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi alam sekitar dalam operasi kami. Hari ini, di peringkat global, Nestlé mengeluarkan separuh gas rumah hijau bagi sekilo produk yang dikeluarkannya 10 tahun yang lalu; pada tahun 2015, ia menyasarkan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau secara langsung sebanyak 35% berbanding dengan tahap tahun 2005. Nestlé juga melihat isu-isu alam sekitar daripada peringkat permulaan rangkaian bekalan, membantu petani menyesuaikan amalan mereka kepada

cabaran-cabaran alam sekitar yang timbul daripada perubahan iklim. Pelan NESCAFÉ, Pelan Koko Nestlé dan NESPRESSO *Ecolaboration* telah dirangka untuk menjadikan pertanian komoditi penting bagi Nestlé, seperti kopi dan koko, lebih mampan - dari perspektif ekonomi, sosial dan alam sekitar. Syarikat juga menggalakkan 400 pembekal terbesar untuk melaporkan sasaran pelepasan gas rumah hijau mereka melalui CDP, sebuah organisasi yang tidak berasaskan keuntungan yang membolehkan syarikat-syarikat untuk mengukur, mendedahkan dan berkongsi maklumat alam sekitar yang penting.

Matlamat Nestlé adalah untuk memastikan bahawa produk-produk kami tidak menyumbang kepada pembasmian hutan. Minyak sawit yang kami gunakan adalah 100% bersijil RSPO dan menyokong *New York Declaration on Forests*, yang bertujuan untuk menghentikan dan mengembalikan kemusnahan hutan. Kami juga menyokong inisiatif CDP yang bermatlamat untuk mengasingkan komoditi yang dipacu pembasmian hutan daripada semua rangkaian bekalan menjelang tahun 2020. Dari sudut rangkaian bekalan

yang lain iaitu dalam memastikan produk seperti ais krim dan yogurt sentiasa sejuk dan selamat untuk dimakan, kami menggunakan teknologi-teknologi terkini dan menyokong pembangunan serta menggunakan penyelesaian bahan penyejuk semula jadi yang selamat dan berkesan untuk penggunaan komersil, serta menghentikan secara berperingkat peralatan yang menggunakan *Hydro Fluorocarbon* (HFC). Kami telah melabur lebih £160 juta dalam usaha mencari alternatif semula jadi neutral karbon dalam 93% daripada sistem penyejukbekuan industri kami. Hari ini, semua peti penyejuk ais krim di Eropah menggunakan bahan penyejuk semula jadi.

Syarikat juga berazam untuk memerangi pembaziran makanan, ia merupakan sumber utama pelepasan gas rumah hijau dan adalah peneraju bersama, bagi pihak *The Consumer Goods Forum*, pembangunan *World Resources Institute Food Loss and Waste Protocol*. Langkah-langkah ini menyumbang dalam memastikan bahawa produk-produk Nestlé bukan sahaja ‘lazat dan berkhasiat’, tetapi juga baik untuk alam sekitar di seluruh rangkaian.

KOMITMEN KAMI

Asas bagi setiap aktiviti yang melibatkan Nestlé adalah komited untuk “Amalan Perniagaan Mampam Alam Sekitar”. Di semua peringkat kitaran hayat produk, kami berusaha untuk menggunakan sumber-sumber asli dengan cekap, dan memanfaatkan penggunaan sumber-sumber boleh diperbaharui yang diurus secara mampan dan menetapkan sasaran sisa sifar.

Komitmen kami dalam aspek kemampunan alam sekitar adalah untuk:

- Meningkatkan kecekapan sumber;
- Meningkatkan prestasi alam sekitar terhadap pembungkusan kami;
- Menilai dan mengoptimumkan kesan alam sekitar terhadap produk kami;
- Menyediakan kepimpinan dalam perubahan iklim;
- Mengekalkan sumber semula jadi, termasuk hutan; dan
- Menyediakan maklumat dan dialog alam sekitar yang bermakna dan tepat.

Polisi Alam Sekitar Nestlé

Polisi Nestlé mengenai Kemampunan Alam Sekitar merangkumi prinsip alam sekitar *United Nations Global Compact* (UNGC), yang menyatakan bahawa perniagaan perlu menyokong pendekatan pencegahan untuk cabaran alam sekitar; mengambil inisiatif untuk menggalakkan tanggungjawab alam sekitar yang lebih besar; dan menggalakkan pembangunan dan penyebaran teknologi dengan prestasi alam sekitar yang lebih baik.

Polisi ini dilengkapi dengan komitmen yang lebih terperinci terhadap isu-isu alam sekitar utama:

- Komitmen Nestlé terhadap Perubahan Iklim;

- Komitmen Nestlé terhadap Biofuel;
- Komitmen Nestlé terhadap Pengawasan Air;
- Komitmen Nestlé terhadap Modal Semula Jadi;
- Komitmen Nestlé Ke Arah Pembaziran Makanan Sifar;
- Komitmen Nestlé terhadap Pembasmian Hutan dan Pengawasan Hutan.

Perjalanan kami di Nestlé Malaysia

Di Malaysia kami memastikan bahawa operasi kami mematuhi peraturan tempatan dan garis panduan global Nestlé. Kami juga diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Pemeriksaan Antarabangsa bagi pelaksanaan ISO 14001.

Nestlé Malaysia menyasarkan untuk mencapai objektif berikut bagi tahun 2014:

1. Mengurangkan secara khusus Penggunaan Air (m³/tan produk) sebanyak 4%;
2. Mengurangkan secara khusus Penggunaan Tenaga (GJ/tan produk) sebanyak 4%;
3. Mengurangkan jumlah Sisa Pepejal yang mutlak sebanyak 10%.

Nota: Semua pengurangan adalah perbandingan angka tahun 2013.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, kesemua enam¹ kilang kami di Malaysia telah melakukan beberapa program pengurangan bagi setiap bidang objektif alam sekitar. Program-program ini dipantau di peringkat global melalui struktur laporan perisian berasaskan pusat (I-Nexus).

Pada masa yang sama Nestlé Malaysia telah melaksanakan inisiatif yang kukuh dalam semua Unit Perniagaan dan Rangkaian Bekalan untuk

mengurangkan secara aktif Kesan Karbon kami melalui inisiatif seperti kempen kitar semula bagi bahan-bahan pembungkusan, Percubaan Pasaran untuk Penyejuk Beku Gas Asli, menjimatkan jarak perjalanan bagi barangan dan kakitangan kami dan memulakan Perjalanan Sisa Sifar.

Strategi kami

Objektif dan inisiatif ini diterjemahkan kepada komitmen yang teguh di seluruh Syarikat bagi memastikan bahawa setiap individu yang berkaitan dengan Syarikat memahami kepentingan usaha-usaha perlindungan alam sekitar. Kami sentiasa meneliti Aspek Persekitaran Umum dan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EAEI) bagi semua operasi kami, membolehkan kami menilai kesan operasi kami dan rangkaian nilai yang lebih luas.

Pada tahun 2014, usaha kami telah menghasilkan pengurangan penggunaan tenaga, air, gas rumah hijau, sisa pepejal dan bahan-bahan pembungkusan, dan kami menggunakan tiga strategi utama untuk terus meningkatkan prestasi kami:

1. Menguatkan rutin standard kami

Strategi ini memastikan bahawa kami terus ‘Cemerlang pada Asas’. Kami telah mewujudkan penyelenggaraan dan pemantauan rutin untuk mencegah kebocoran tenaga dan air. Contohnya pemantauan prestasi Perangkap Wap, Udara Termampat, Panel Elektrik dan peralatan gelangar besar akan dijalankan pada purata dua hingga tiga kali setahun. Pada masa yang sama, bagi memastikan operasi berjalan lancar dan mengelakkan pembaziran di semua peringkat, kami telah menggabungkan falsafah Pengurusan Prestasi Total

¹ Kilang-kilang Nestlé di Kuching dianggapkan sebagai satu entiti untuk sebab-sebab pemantauan.

(TPM) ke dalam operasi kami. Pada tahun 2014, kami telah membawakan pemilikan penggunaan tenaga dan air ke bahagian pengeluaran, dengan pemantauan yang kerap dijalankan dan inisiatif langsung untuk mengurangkan pembaziran telah dilaksanakan. Langkah ini berjaya di mana kebocoran dikenal pasti dan diatasi dalam tempoh 24-48 jam.

2. Merasionalisasikan operasi

Di mana yang boleh dilaksanakan, produktiviti peralatan kami dimaksimumkan untuk mencapai “Skala Ekonomi” dan program meminimumkan pembaziran dijalankan dengan sokongan daripada kumpulan kerja fokus. Pada masa yang sama kami menanda aras proses-proses utama kami terhadap piawaian-piawaian yang ditetapkan, yang mana telah dibangunkan oleh Pusat melalui satu program yang dipanggil “DIY” (*Do It Yourself*). Senarai amalan terbaik bagi pelbagai proses telah disenaraikan dalam repositori ini bagi dipraktikkan oleh kilang-kilang.

3. Pelaburan dalam teknologi & automasi baru

Dengan sokongan padu daripada pakar-pakar industri, Nestlé sentiasa mencari peralatan dan teknologi yang membantu mengurangkan kesan alam sekitar kami, seperti peralatan cekap tenaga tinggi, automasi dengan kawalan maklum balas yang tepat, unit pemulihan tenaga haba dan penyulingan Reverse Osmosis (RO) yang akan membolehkan kami menggunakan semula air untuk operasi kami.

Strategi-strategi utama di atas akan dipantau dan dilaksanakan di semua kilang kami melalui rangkaian kerjasama bahagian pengeluaran

masing-masing. Pendekatan selari ini juga membolehkan kami meningkatkan aspek pembelajaran dan sokongan operasi pelbagai kilang.

Di bidang rangkaian bekalan dan jualan, Syarikat terus memantau Kesan Karbon untuk pengangkutan barangan siap kami dan perjalanan kakitangan jualan. Kami juga terus mempertingkatkan “Projek Pengoptimuman Muatan” kami untuk mengurangkan Kesan Karbon di Pusat Pengedaran Nestlé kami.

Bagi perniagaan Ais Krim kami, kami telah menguji penyejuk beku baru yang lebih cekap tenaga dan menggunakan bahan penyejuk semula jadi iaitu Gas Hidrokarbon untuk menggantikan Gas Sintetik yang memudaratkan alam sekitar kita. Secara beransur-ansur, seperti yang kami belajar daripada pengalaman, kami mampu memperluaskannya kepada bidang lain rangkaian bekalan dan pengangkutan serta kepada rakan-rakan perniagaan kami.

PENGURUSAN AIR – KEUTAMAAN KAMI

Nestlé telah meletakkan keutamaan dalam pengurusan air dan merupakan pengasas yang telah menandatangani ‘UN Global Compact CEO Water Mandate’ dan ahli utama ‘Water Environment and Federation Water Task Force dan 2030 Water Resources Group’.

Kami telah secara berterusan:

- Berusaha untuk mengurangkan jumlah air yang dilepaskan sepanjang operasi pengeluaran kami – mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan kilang untuk menghapuskan pembaziran; penggunaan semula air pemprosesan pam vakum dan proses pam yang sesuai; mengoptimumkan tekanan bekalan air kami di unit operasi terpilih dan sosial blok; dan mengitar semula

air yang proses ke blok sosial dan operasi terpilih di samping memastikan semua piawaian kebersihan dipatuhi;

- Memastikan bahawa aktiviti-aktiviti air kami menepati sumber air tempatan;
- Memastikan lebih air yang dilepaskan ke alam sekitar adalah bersih;
- Melibatkan diri dengan vendor, pembekal dan petani kami untuk menggalakkan pemuliharaan air;
- Bekerjasama dengan pihak lain untuk mewujudkan kesedaran dan pendidikan tentang aspek kritikal pemuliharaan air terhadap pelbagai komuniti di mana kami beroperasi.

Pada 2014, Nestlé Malaysia mencatatkan penjimatan sebanyak 4% penggunaan air khusus, daripada 4.67m³/tan dalam tahun 2013 kepada 4.48m³/tan. Penjimatan sebanyak 72,558m³ air setiap tahun adalah bersamaan dengan purata penggunaan 1,325 orang dalam satu tahun.

Selain daripada penggunaan air secara langsung dalam operasi kami, kami juga sedang mencari kaedah untuk mengurangkan penggunaan air sepanjang rangkaian bekalan. Ini termasuk Penyelidikan & Pembangunan berterusan dengan para pembekal beras kami dalam penanaman padi *semi-aerobic* yang di mana keputusan awal menunjukkan hingga 50% penjimatan air berbanding penanaman padi tanah bench konvensional.

Kami juga menjalankan program-program kesedaran dan pendidikan dengan para petani kontrak kami dan agensi berkaitan, di mana kami berkongsi amalan terbaik dan prestasi alam sekitar kami dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan.

Di masa hadapan, kami sedang dalam proses memasang penapisan *Reverse Osmosis* untuk air isian dandang di kilang kami pada tahun 2015. Ini akan menghapuskan pembaziran air dan pada masa yang sama, menjimatkan tenaga. Di samping itu, kami juga memanfaatkan air hujan bagi operasi yang bukan untuk minuman.

Untuk memastikan kemampunan sumber berharga ini, kami percaya bahawa perlu ada kesedaran yang mendalam di semua peringkat rangkaian bekalan, daripada para petani yang menyediakan bahan-bahan mentah kami kepada para pengguna yang menggunakan produk kami.

MENANGANI PERUBAHAN IKLIM – PENGURUSAN TENAGA DAN GAS RUMAH HIJAU.

- *Penjimatan dalam kadar penggunaan tenaga sebanyak 3.53GJ/tahun pada tahun 2014 adalah cukup untuk menampung 2,660 bilangan kereta setiap tahun.*
- *Ini adalah bersamaan dengan penjimatan khusus sebanyak 7.6%.*

Perubahan iklim membawakan pelbagai cabaran kepada perniagaan kami, dengan pemanasan global memberi kesan kepada rangkaian bekalan pertanian kami dan diburukkan lagi dengan isu bekalan air dan masalah kekurangannya. Hasil tuaian boleh terjejas dan ini boleh membawa kepada peningkatan harga makanan dan kesempitan dari segi ekonomi.

Di Nestlé, kami memainkan peranan kami dalam menangani masalah ini dengan mengurangkan penggunaan tenaga khusus kami dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada operasi kami.

Pengurusan Tenaga

Pada tahun 2014, kami mencatatkan penjimatan sebanyak 7.6% penggunaan tenaga bagi setiap tan produk daripada 3.82GJ bagi setiap tan pada tahun 2013 kepada 3.53GJ bagi setiap tan pada tahun 2014, mengatasi sasaran tahunan 4%.

Pada asasnya, penjimatan ini telah dicapai melalui program-program berikut:

- Mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan kilang dalam meningkatkan kecekapan proses untuk memaksimumkan produktiviti dan meminimumkan pembaziran;
- Mengukuhkan rutin standard kami bagi pengurusan pemulihan kondensasi dan kebocoran udara. Penyelenggaraan yang baik dalam bidang ini memastikan kerugian yang tidak sepatutnya;
- Mengurangkan tekanan wap, yang seterusnya mengurangkan penggunaan bahan api;
- Memasang peralatan pemulihan tenaga dalam dandang kami seperti *Economisers*, yang mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kecekapan dandang sebanyak 5%;
- Memasang peralatan baru dengan penggunaan tenaga yang lebih rendah, seperti memasang peresap udara bagi loji rawatan sisa air berbanding alat pengudaraan tradisional; menggunakan pengukus tekanan rendah untuk pengeluaran mi dan sebagainya;
- Mengambil kira kriteria cekap tenaga dalam pemilihan peralatan bagi proses-proses kami seperti dandang, penyejuk dan kompresor udara.

Di masa hadapan, Nestlé akan meneroka peluang-peluang untuk mengoptimalkan kecekapan tenaga melalui kerjasama dengan ESCO (Syarikat Penjimat Tenaga) dan


pakar-pakar industri. Fokus seterusnya adalah untuk meneroka penggunaan gas asli seperti gas asli bagi menggantikan lampu minyak dan kemungkinan untuk *Co Generation*, yang akan menyediakan tenaga yang lebih cekap. Kami juga akan memanfaatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, menggunakan sel-sel *photovoltaic* dan jendela langit untuk memanfaatkan tenaga solar. Pada masa yang sama kami akan membuka minda untuk teknologi-teknologi yang berdaya maju bagi menyerap gas CO₂ secara langsung yang dihasilkan daripada bahan api peralatan pembakaran kami.

Pengurusan Penyejuk

Nestlé mempunyai polisi pembelian yang sangat ketat dalam Penyejukan dan Pengurusan Gas Penyejuk kerana kesannya terhadap Potensi Pengurangan Ozon (ODP) dan Potensi Pemanasan Global (GWP).

Keutamaan langsung kami adalah untuk membeli penyejuk semula jadi dengan kesan sifar ODP dan GWP – Ammonia, Karbon Dioksida atau Hidrokarbon, untuk operasi kami di mana ia boleh dihasilkan secara teknikal. Dalam ketiadaan peralatan atau teknologi penyejuk asli, penyejuk sintetik *Hydro Fluorocarbon* (HFC) boleh digunakan dengan kebenaran khas sebagai pilihan terbaik seterusnya kerana kesan ODP sifarnya.

Pada masa ini kami sedang menguji 200 unit peti penyejuk di *outlet* Ais Krim kami yang menggunakan gas Hidrokarbon, dan jika terbukti selamat, cekap tenaga dan berjaya, kami secara beransur-ansur akan menggunka pakai teknologi ini untuk seluruh operasi kami.



Pembungkusan

Pembungkusan produk merupakan bahagian yang penting dalam komitmen kami kepada pengguna kerana ia memberi kelainan bagi jenama kami; membantu memastikan produk kami sentiasa segar dan bebas daripada pencemaran, serta menyediakan informasi yang relevan mengenai bahan-bahan dan kandungan pemakanan.

Walau bagaimanapun, pembungkusan menjadi bahan buangan selepas produk dimakan atau diminum dan merupakan salah satu item paling biasa ditemui di tapak pelupusan sampah. Oleh itu, adalah penting untuk kami terus mengoptimumkan pembungkusan bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Kami mengambil pendekatan holistik untuk menilai kesan pembungkusan kami terhadap alam sekitar, dan kami menggunakan kaedah analisis Penilaian Kitaran Hayat (LCA) untuk memilih penyelesaian pembungkusan yang paling optimum. Kaedah LCA ini meliputi kesan alam sekitar daripada pembungkusan seluruh rangkaian bekalan daripada pengekstrakan bahan, dan proses untuk pelupusan selepas pengambilan produk.

Sebagai contoh, kami telah mengurangkan berat botol kaca sos MAGGI kami untuk saiz 470g dan 300g sebanyak 14% dan 7%, yang diterjemahkan ke dalam pengurangan 900 tan penggunaan kaca.

Pada tahun 2014, melalui projek-projek pengoptimuman pembungkusan, kami berjaya mengurangkan penggunaan bahan sebanyak 1,382 tan.

Pada tahun 2014, Nestlé Malaysia telah mencapai penjimatan sebanyak

4%
penggunaan air khusus.

Kami mencatatkan penjimatan sebanyak

7.6 %
penggunaan tenaga bagi setiap tan produk.



Pegawai Pertanian kami menanam anak benih pokok bersama wakil Komuniti Anak Pokok Kinabatangan (KAPOK) di sepanjang sungai Kinabatangan, sebahagian daripada Projek RiLeaf Nestlé.

PROJEK RILEAF

Projek RiLeaf telah dilancarkan pada tahun 2011 sebagai inisiatif penghutan semula seluas 2,400 hektar di sepanjang Sungai Kinabatangan di Sabah. Projek selama tiga tahun ini bertujuan mewujudkan landskap di mana manusia, alam semula jadi dan pertanian (kelapa sawit) boleh wujud bersama secara harmoni dalam keperluan mereka untuk mendapatkan air, melalui penanaman semula pokok-pokok untuk membantu mengurangkan pencemaran air daripada pendedahan tanah dan sisa buangan pertanian.

Projek ini telah diperluaskan lagi dengan menandatangani perjanjian usaha sama dengan Yayasan Sime Darby yang komited untuk menjadi pembiaya bersama sumber projek.

Projek ini juga menyaksikan penglibatan Nestlé dalam pembinaan keupayaan masyarakat tempatan, di mana kami bekerja dengan membeli anak pokok hutan daripada KAPOK (Komuniti Anak Pokok Kinabatangan), pengeluar benih hutan berasaskan komuniti dan mendapatkan perkhidmatan mereka untuk menguruskan penanaman benih.

Sebagai lanjutan daripada projek tersebut, Syarikat juga bekerjasama dengan pekebun kecil kelapa sawit untuk menyampaikan pengetahuan tentang Amalan Pertanian Baik yang bertujuan untuk mengurangkan kesan alam sekitar minyak kelapa sawit dan menggalakkan pengeluaran minyak sawit dengan persijilan RSPO. Pada tahun 2014, seramai 36 orang penanam kelapa sawit pertama telah diaudit dan diperakui di bawah pensijilan RSPO Kumpulan.

Sejumlah 114,524 batang pokok telah ditanam pada tahun ini meliputi kawasan 102.7 hektar, menjadikan jumlah semasa pokok yang ditanam sejak pelancaran projek kepada 294,681.

Bilangan pokok
yang ditanam:

294,681

Data untuk tahun 2012 dan 2013 berdasarkan invoice-invoice KAPOK dan oleh kerana proses rakaman dokumen dipertingkatkan, jumlah bilangan pokok yang ditanam pada tahun 2014 disenaraikan mengikut rekod penanaman yang sesuai.

Kiri ke kanan: Pengarah Urusan Nestlé Malaysia En. Alois Hofbauer, Ketua Eksekutif Koridor Utara Malaysia (NCIA) Yang Berbahagia Dato' Redza Rafiq, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Yang Berusaha Tuan Haji Md. Zuki bin Ismail, Penasihat kepada Perdana Menteri untuk Koridor Utara Yang Berhormat Dato' Wira Mohd Johari Baharum dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA C2 Kerpan Yang Berusaha Tuan Haji Ismail bin Puteh melihat pameran Kelab Padi Nestlé (NPC) yang disediakan pada acara tandatangan MoU antara Nestlé, NCIA dan PPK untuk membantu meningkatkan produktiviti para peladang inisiatif ladang kontrak Nestlé.

KELAB PADI NESTLÉ

Kelab Padi Nestlé (NPC) merupakan inisiatif pertanian inovatif yang dilancarkan pada tahun 2010 untuk memberi manfaat kepada Manusia, Alam dan Keuntungan, yang dalam konteks ini merujuk kepada Syarikat, petani tempatan di Kerpan dan Sanglang, Kedah dan alam sekitar.

Kontrak pertanian inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan beberapa rakan industri yang berkaitan seperti Organica Biotech, Ninamaju, Kilang Beras Ban Eng Hin, Kilang Beras Chuan Huat, Dupont dan Bayer.

Melalui inisiatif ini, ahli-ahli kelab yang terdiri daripada petani tempatan yang terlibat dibimbing dengan cara baru dan ekologi dalam penanaman padi yang dipanggil kaedah *Semi-Aerobic Rice Intensification* (SARI), pendekatan penjimatan air yang digunakan di tanah pamah sawah padi yang telah terbukti untuk mengurangkan pelepasan metana dan penggunaan air untuk mengairi sawah. Mereka juga diajar tentang Amalan Pertanian Baik dan pertanian mampan, yang kedua-duanya membantu untuk memastikan keselamatan dan kualiti makanan.

Di samping itu, tahap gas rumah hijau yang dikeluarkan dari sawah padi juga dapat dikurangkan dengan ketara, kerana kaedah ini menggalakkan para petani agar menggunakan mikrob tambahan mesra alam, seperti *Agri-Organica*, yang disediakan oleh Nestlé.



Tempoh tuaian semasa menyaksikan seramai 298 orang pesawah menuai hasil sebanyak 5,044 tan metrik daripada lebih 788 hektar sawah padi, sekali gus mencapai hasil tuaian pada purata sebanyak 6.40 tan metrik/hektar.

| Musim Menuai/Tahun | Februari | Ogos |
|--------------------|---|---|
| 2012 | 4.48 tan metrik/hektar 104 pesawah 274 hektar | 6.85 tan metrik/hektar 170 pesawah 475 hektar |
| 2013 | 5.02 tan metrik/hektar 289 pesawah 765 hektar | 7.06 tan metrik/hektar 312 pesawah 807 hektar |
| 2014 | 5.85 tan metrik/hektar 310 pesawah 814 hektar | 6.40 tan metrik/hektar 298 pesawah 788 hektar |

Pada bulan Februari, Nestlé Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk menjalankan kajian saintifik selama dua tahun untuk memperbaiki kaedah-kaedah penanaman padi yang sedia ada yang digunakan di ladang padi kontrak Nestlé. Ini termasuk penyelidikan mengenai pelepasan metana, yang mendapati sawah padi yang ditakungi air menghasilkan 74% lebih emisi berbanding sawah yang tidak ditakungi air.

Purata hasil yang dicapai: **6.40** MT/ha,
mengatasi purata kebangsaan sebanyak
3.7MT/ha

PROJEK CARETON – MEMUPUK AMALAN KITAR SEMULA

Tahun 2014 menandakan tahun ketiga perkongsian Nestlé dengan syarikat pembungkusan Tetra Pak, di mana mereka bekerjasama dalam projek kemampanan alam sekitar yang menggalakkan amalan kitar semula kotak minuman di kalangan pengguna.

Bagi projek CAREton edisi tahun ini berjaya mengumpul sebanyak 7.2 juta kotak minuman terpakai, melebihi sasaran awal kutipan 5 juta. Terdiri daripada kertas, polietilena dan aluminium kerajang, kotak-kotak ini akan dikitar semula menjadi 920 kepingan bumbung untuk kegunaan pembangunan sosial EPIC Homes yang menyasarkan untuk memasang bumbung lebih dari 20 buah rumah Orang Asli yang dikenal pasti dan layak pada tahun 2015.

Kempen ini disokong oleh rakan-rakan pengumpulan yang terdiri daripada organisasi komuniti dan peruncit, dengan rangkaian komprehensif melebihi 460 pusat pengumpulan di seluruh negara.



Kotak minuman terpakai yang dikumpul menerusi Projek CAREton akan dikitar semula menjadi kepingan bumbung, yang dipakai oleh EPIC Homes untuk membina rumah untuk keluarga Orang Asli.

Kajian Kes

KOMITED UNTUK MELINDUNGI PERSEKITARAN DUNIA

Walaupun pelupusan sisa melalui tapak pelupusan sampah merupakan salah satu kaedah tertua rawatan sisa, namun prosesnya memberikan kesan terhadap alam sekitar dalam pelbagai cara. Ia memerlukan penggunaan tanah yang luas dan pencemaran alam sekitar di kawasan setempat mungkin berlaku – seperti pencemaran air bawah tanah atau akuifer dan penghasilan metana, sejenis gas rumah hijau yang memiliki kekuatan yang berkali ganda berbanding karbon dioksida.

Hasrat kami adalah untuk terus mengurangkan kesan alam sekitar daripada produk-produk kami dan

untuk mencapai sifar sisa ke kawasan pelupusan sampah dari setiap kilang kami menjelang tahun 2020, dan mengurangkan penghasilan sisa adalah salah satu cara kami dalam usaha ke arah mencapai matlamat ini.

Salah satu fungsi utama Nestlé adalah untuk menjadikan bahan-bahan mentah yang mudah rosak sebagai produk siap yang memenuhi kehendak para pengguna untuk keselamatan, kualiti, kemudahan dan nilai. Di samping itu pusat-pusat Penyelidikan dan Pembangunan Syarikat juga memberi perhatian terhadap aspek alam sekitar dengan kaedah pemprosesan yang meminimumkan penajanaan sisa buangan.

Mencapai Sifar Tapak Pelupusan Sampah

Polisi Nestlé terhadap Alam Sekitar menetapkan bahawa amalan perkilangan Kumpulan haruslah merangkumi usaha mengurangkan penajanaan dan pelepasan sisa dengan sebanyak mungkin. Kitar semula sisa dan pelupusan sisa yang tidak boleh dikitar semula harus diberi keutamaan dan dilaksanakan dengan cara yang mesra alam.

Dalam usaha untuk mengurangkan sisa pepejal, kami berjaya mencapai pengurangan sisa sebanyak 57.6% di 5 daripada 6 kilang pada tahun 2013, yang juga melebihi daripada sasaran awal sebanyak 10%.

Berikut adalah senarai beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pasukan alam sekitar pada tahun 2014:

MENGASINGKAN SISA PEMBUNGKUSAN DI PERINGKAT SUMBER:

Usaha ini dilakukan di semua kilang kami untuk memastikan bahan-bahan seperti kertas, plastik dan kaca diasingkan pada peringkat sumber untuk tujuan kitar semula sebelum dihantar untuk pelupusan. Bungkus yang rosak dan produk yang ditolak, dilupuskan dalam tong sisa klinikal kami.

MENUKAR SISA MAKANAN:

Sebagai contoh, bijirin yang ditolak kerana berketul didapati sesuai untuk diproses semula untuk dijadikan makanan ternakan.

MENUKAR PULANGAN PASARAN DI GUDANG PUSAT KAMI:

Ia sama ada diproses semula menjadi makanan ternakan atau baja organik dan manakala bungkus dihantar untuk dikitar semula.

MENUKAR SISA ENAP CEMAR DAN SISA MAKANAN LOJI RAWATAN AIR KUMBAHAN:

Enap cemar dan sisa makanan loji rawatan air kumbahan akan diproses menjadi baja organik menggunakan mikrob khusus dalam reaktor.

MENUKAR LAMINAT:

Laminat yang tidak boleh dikitar semula diproses menjadi bahan binaan seperti kepingan bumbung dan dinding.

PENCAPAIAN DALAM TAHUN 2014

Pada tahun 2014, 5 daripada 6 kilang operasi kami di Malaysia iaitu Batu Tiga, Kompleks Shah Alam, Petaling Jaya, Kompleks Chembong dan Aiskrim Chembong telah mencapai 'Status Sifar Sisa', dengan semua bahan buangan pepejal dikitar semula 100%. Jumlah pengurangan sisa pepejal ke kawasan pelupusan sampah yang dicapai pada tahun 2014 bagi Nestlé Malaysia adalah kira-kira 90%, dari tahun 1990 tan muatan sisa pada tahun 2013 kepada hanya 177 tan pada tahun 2014.

Kejayaan ini mampu dicapai melalui kerjasama yang erat di antara kilang dan syarikat pengurusan sisa pepejal pihak ketiga yang dilantik oleh Syarikat.



Sisa air dirawat sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk melupuskan sisa.

045

PERKEMBANGAN SETERUSNYA

Langkah seterusnya, Nestlé akan memastikan bahawa status sifar sisa yang dicapai bagi 5 kilang di Malaysia dikekalkan dan menjadi sebahagian daripada rutin standard kami.

Bagi baki kilang yang belum diiktiraf sifar sisa di Kuching, Malaysia Timur, usaha sedang dilakukan untuk mengurangkan muatan sisa pelupusan secara beransur-ansur dengan meningkatkan aktiviti kitar semula. Pada masa yang sama, Nestlé merancang untuk memperkenalkan teknologi bagi menukarkan sisa organik kepada baja organik; dan plastik laminat kepada bahan binaan. Walau bagaimanapun, lokasi geografi dan kuantiti yang rendah ditambah pula dengan ketiadaan sokongan teknikal tempatan perlu ditangani sebelum mencapai status sifar sisa.



Peralatan seperti economiser dipasang untuk memulih tenaga di kilang-kilang kami.

** Nestlé Factories in Kuching are referred to as one entity for monitoring purposes.*

Nota: Pengurusan sisa berbahaya seperti bahan kimia, pelarut, e-sisa dan sebagainya tidak terlibat dalam usaha ini. Ia diuruskan secara berasingan melalui vendor yang dibenarkan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling.

KESAN ALAM SEKITAR KAMI – PRESTASI KAMI

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|-------------|-----------|-----------|------------------|
| Pengeluaran | | | | |
| Jumlah Pengeluaran (tan) | | 375,405 | 399,168 | 381,886 |
| Bahan Digunakan | | | | |
| Bahan tidak boleh diguna semula (tan) ¹ | EN1 | 750 | 783 | 590 |
| Bahan langsung (tan) | EN1 | 405,501 | 411,681 | 374,913 |
| Jumlah berat bahan yang digunakan (tan) | EN1 | 406,948 | 413,663 | 376,576 |
| Bahan kitar semula (tan) ² | EN2 | 14,420 | 15,414 | 13,180 |
| Peratusan bahan kitar semula (%) | EN2 | 3.54% | 3.73% | 3.50% |
| Tenaga³ | | | | |
| Jumlah penggunaan tenaga langsung oleh sumber utama (GJ) | EN3 | 803,403 | 785,848 | 682,063 |
| Jumlah tenaga langsung setiap tan barangan siap (GJ/tan) | EN3 | 2.14 | 1.97 | 1.79 |
| Jumlah tenaga langsung oleh sumber utama yang boleh diperbaharui (Asas Kopi) (GJ) | EN3 | 107,242 | 83,805 | 61,769 |
| Jumlah tenaga langsung oleh sumber utama yang tidak boleh diperbaharui (Gas asli, lampu minyak bahan api, diesel, gas petroleum cecair) | EN3 | 696,161 | 702,043 | 620,294 |
| Penggunaan tenaga tidak langsung oleh sumber utama (GJ) | EN4 | 664,637 | 740,157 | 664,150 |
| Tenaga tidak langsung bagi setiap tan | EN4 | 1.77 | 1.85 | 1.74 |
| Peratusan tenaga yang boleh diperbaharui untuk Tenaga Tidak Langsung | EN4 | | | 6.40% |
| Tenaga yang boleh diperbaharui untuk Tenaga Tidak Langsung | EN4 | | | 42,505 |
| Tenaga yang tidak boleh diperbaharui untuk Tenaga Tidak Langsung | EN4 | | | 621,644 |
| Jumlah tenaga (GJ) | EN5 | 1,479,099 | 1,526,031 | 1,346,213 |
| Jumlah tenaga bagi setiap tan (GJ/tan) | EN5 | 3.94 | 3.82 | 3.53 |
| Tenaga yang dijimatkan daripada penambahbaikan (GJ) | EN5 | 82,240 | 35,104 | 113,726 |
| Air | | | | |
| Jumlah pengeluaran air oleh sumber (m ³ /tahun) | EN8 | 1,734,455 | 1,863,027 | 1,710,038 |
| Jumlah pengeluaran air bagi setiap tan | EN8 | 4.62 | 4.67 | 4.48 |
| Isipadu air yang dikitar semula bagi setiap penggunaan semula (m ³ /tahun) | EN10 | 80,710 | 80,710 | 80,710 |
| Peratusan air yang dikitar semula dan diguna semula (%) | EN10 | 5% | 4% | 5% |
| Pelepasan, Buangan dan Sisa | | | | |
| Jumlah pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung (tan CO ₂) ⁴ | EN16 | 158,901 | 171,747 | 159,538 |
| Jumlah gas rumah hijau bagi setiap tan barangan siap (kg CO ₂ /tan) | EN16 | 420 | 432 | 420 |
| Lain-lain pelepasan gas rumah hijau tidak langsung berkaitan mengikut berat (tan) ⁵ | EN17 | 9,938 | 9,647 | 12,056 |
| Pengurangan gas rumah hijau (tan CO ₂) | EN18 | 1,419 | -26,444 | 4,773 |
| Peratusan khusus pengurangan gas rumah hijau (%) | EN18 | 1.0% | -18% | 2.9% |
| Pelepasan bahan ozon yang berkurangan (tan) | EN19 | 3.15 | 11.06 | 10.17 |
| NOx, SOx dan Lain-lain Pelepasan Udara (jenis & berat)⁶ | | | | |
| SOx (tan) | EN20 | 161.9 | 177 | 144.6 |
| NOx (tan) | EN20 | 171.1 | 179.4 | 159.7 |
| Bahan Zaharan (PM) (tan) | EN20 | 42.5 | 44.45 | 44 |
| Jumlah air buangan mengikut kualiti dan destinasi (m ³ /tahun) ⁷ | EN21 | 1,077,517 | 1,010,999 | 966,636 |

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|-------------|-----------|-----------|------------------|
| Jumlah Berat Sisa Mengikut Jenis dan Kaedah Pelupusan⁸ | | | | |
| Sisa berbahaya (tan) | EN22 | 28 | 26 | 46 |
| Sisa tapak pelupusan (tan) | EN22 | 4,698 | 1,990 | 160 |
| Bahan yang dikitar semula (tan) | EN22 | 11,561 | 13,303 | 11,895 |
| Pemulihan (Asas Kopi tan) | EN22 | 12,833 | 9,882 | 6,172 |
| Pengomposan baja organik (tan) | EN22 | 16 | 3,079 | 4,917 |
| Jumlah bilangan dan isipadu tumpahan yang ketara | EN23 | nil | nil | nil |
| Berat Sisa Diangkut yang Dianggap Berbahaya (tan)⁹ | | | | |
| Berat sisa berbahaya yang diangkut | EN24 | 39.8 | 26 | 46 |
| Berat sisa berbahaya yang diimport | EN24 | nil | nil | nil |
| Berat sisa berbahaya yang dieksport | EN24 | nil | nil | nil |
| Berat sisa berbahaya yang dirawat | EN24 | 3 | 2.97 | nil |
| Perjalanan | | | | |
| Jumlah jarak yang dilalui bagi barangan siap untuk darat dan laut ('000 km) | EN29 | 8,439 | 8,418 | 9,391 |
| Jumlah pelepasan CO ₂ bagi perjalanan di atas (tan) | EN29 | 9,938 | 9,647 | 12,056 |
| Purata CO ₂ bagi setiap tan barangan siap, ke atas jumlah jarak yang dilalui (CO ₂ /tan * km) | EN29 | 61 | 52 | 60 |
| Jumlah jarak yang dilalui oleh kakitangan Nestlé untuk tujuan perniagaan ('000 km) ¹⁰ | EN29 | 6,595 | 7,512 | 11,859 |
| Jumlah pelepasan CO ₂ daripada perjalanan berkaitan perniagaan (tan) ¹⁰ | EN29 | 1,042 | 1,187 | 1,873 |
| Jumlah Perbelanjaan dan Pelaburan bagi Perlindungan Alam Sekitar (RM) | | | | |
| Kos buangan, rawatan dan pemulihan pelepasan (RM) | EN30 | 3,760,333 | 4,169,057 | 3,885,187 |
| Kos perlindungan dan pengurusan alam sekitar (kos pelaburan RM) | EN30 | 1,003,978 | 3,533,470 | 2,398,283 |
| Kos pelupusan sisa pepejal (RM) ¹¹ | EN30 | 523,416 | 395,211 | 34,260 |

¹ Penggunaan bahan api tidak dilaporkan dalam EN1 bagi tahun 2013 dan seterusnya sejajar dengan Arahan Am Nestlé. Bahan api dilaporkan sebagai tenaga dalam EN 3.

² Pengiraan berdasarkan Laporan Ahli Teknologi Pembungkusan contohnya papan gelugur = 50%; kaca = 35% MAGGI hot cup = 25%.

³ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM. The primary energy sources purchased are a) Natural Gas b) Light Fuel Oil c) LPG – Liquefied Petroleum Gas and d) Diesel.

⁴ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

⁵ Data yang tertera adalah jumlah pelepasan GHG mengikut tan untuk perjalanan barangan siap. Pelepasan dari perjalanan warga kerja dan urusan perniagaan dilaporkan sebahagian EN29 iaitu 1,873 tan.

⁶ Nota: Gas-gas lain seperti POP (Persistent Organic pollutants), VOC (Volatile Organic Compounds) dan HAP (Hazardous air pollutants) adalah tidak relevan dalam industri kami.

⁷ Semua air kumbahan yang dilepaskan dari kilang-kilang akan dirawat di loji rawatan air sisa biologi dan semua parameter pelepasan mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar tempatan.

⁸ Semua kitar semula dan tapak pelupusan sisa diuruskan oleh Syarikat Pengurusan Sisa yang dilantik dan diberi kuasa.

⁹ Semua sisa berbahaya diuruskan oleh kontraktor dibenarkan DOE bagi pelupusan dan rawatan lanjut.

¹⁰ Sumber: <http://www.carpages.co.uk/co2/> -158 g CO₂/km. Untuk 2014 perjalanan perniagaan dari kilang-kilang di jalan raya yang telah dimasukkan bersama-sama dengan jurujual.

¹¹ Pengurangan ketara dalam kos pelupusan hasil daripada usaha sifar sisa bagi 5 kilang.

WARGA KERJA DAN PERSEKITARAN KERJA KAMI

Kemampuan Syarikat banyak bergantung kepada tenaga kerja kami, kerana mereka ini akan memacu perniagaan ke hadapan. Oleh itu adalah penting untuk kami bukan sahaja menarik bakat-bakat terbaik malah mengekalkan mereka yang telah menyumbang tenaga bersama kami.



We respect and care
for our people and
their diverse cultures,
and
s.

living the
Values
NBS



Warga kerja kami adalah aset yang paling penting. Kami bukan sahaja membimbing mereka untuk menjadi pekerja yang baik, malah kami juga menyediakan sebuah persekitaran kerja kondusif yang boleh membantu mereka untuk mencapai matlamat mereka.



Warga kerja kami adalah aset paling penting kami dan oleh kerana itulah kami sentiasa berusaha untuk menarik perhatian dan mengekalkan mereka yang terbaik untuk keperluan pemiagaan kami sekarang dan buat masa hadapan.

Bagi melaksanakannya, kami perlu menyediakan persekitaran kerja yang membolehkan mereka berkembang maju dan ini termasuk memastikan keselamatan di tempat kerja dan menyediakan peluang kerjaya melalui pelbagai program latihan. Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka, kami juga melaksanakan inisiatif untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran dan komited yang akan bersama-sama menyumbang tenaga untuk memenuhi janji GOOD FOOD, GOOD LIFE Nestlé kepada para pengguna kami.

MENDENGAR PANDANGAN WARGA KERJA KAMI

Maklum balas dan pandangan warga kerja kami adalah penting kepada kami, dan kami telah mewujudkan platform pengukur yang dipanggil Kaji Selidik 'Nestlé and I' yang dijalankan secara kerap sebagai sebahagian daripada usaha untuk menarik penglibatan kakitangan kami. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan komen yang berkaitan dengan persekitaran tempat kerja dan apa yang lebih penting, ia berfungsi sebagai satu dialog terbuka untuk membincangkan cara-cara memperbaiki cara kami menjalankan perniagaan. Ia dikatakan menjadi kunci kejayaan bagi kebanyakan organisasi yang melaksanakannya secara konsisten termasuk Nestlé.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami ke arah menyemarakkan pertumbuhan Syarikat, kami telah merangka pelan-pelan tindakan yang menyeluruh berdasarkan keputusan kajian tahun 2012 terutamanya dalam bidang Kerjasama, Hormat & Layanan, Tingkah-laku Pengurus dan Pemerkasaan, di mana kesemuanya adalah penting dalam membantu para pemimpin kami menangani peningkatan cabaran yang mereka hadapi, serta untuk mencapai kejayaan Syarikat yang berterusan.

Nestlé berpegang teguh dengan kepentingan untuk mengekalkan kerahsiaan dan oleh sebab itu, ia telah mendapatkan bantuan dan khidmat rakan luar – Towers Watson untuk memastikan kerahsiaan data, analisis dan hasil laporan kajian yang dikumpul.

Keputusan awal menunjukkan 96% kadar penyertaan keseluruhan, satu pencapaian yang mencerminkan komitmen kakitangan kami untuk menjadikan Nestlé persekitaran yang hebat untuk bekerja. Towers Watson kini sedang mengkaji dan menganalisis maklum balas yang diterima melalui kaji selidik, dan keputusannya boleh diperolehi pada bulan Mac 2015.

KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA KERJA KAMI

Keselamatan di Tempat Kerja

Keselamatan adalah satu keutamaan yang tidak boleh dipandang ringan dan merupakan sebahagian daripada budaya kami sebagai sebuah syarikat pengeluaran makanan; kami komited untuk menghindari kerja-kerja yang boleh menyebabkan kemalangan, kecederaan dan penyakit kepada kakitangan, kontraktor dan lain-lain yang terlibat di sepanjang proses ini.

Nestlé Malaysia telah menganjurkan satu inisiatif tematik tahunan bersempena dengan sambutan Hari Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar (SHE), bagi mewujudkan kesedaran serta menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan.

Pada bulan Ogos, kami telah melancarkan satu program bersifat santai dan menyentuh emosi yang dipanggil "*We Do Coz We Care – SHE Beyond Operations*", yang bermatlamat untuk melaksanakan prinsip-prinsip SHE di semua kilang kami. Program ini memberi tumpuan kepada aspek kesedaran dan keprihatinan terhadap kesihatan dan keselamatan kakitangan setiap hari.

Hari yang penuh dengan keceriaan dan pembelajaran menyaksikan para kakitangan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang menggambarkan elemen-elemen biasa dalam kehidupan seharian, termasuk cara mengurus dan melepaskan tekanan, serta kepentingan untuk lebih peka terhadap keadaan di sekeliling sebagai langkah keselamatan peribadi yang baik. Di samping itu, diadakan juga ceramah kesihatan dan keselamatan yang merangkumi topik-topik penting yang disampaikan dalam cara yang menyeronokkan dan menarik.



lanya penting untuk warga kerja Nestlé memahami tentang pemakanan dan ini dibolehkan dengan sesi latihan Nutritional Quotient yang kerap dianjurkan oleh Syarikat.

Memastikan Gaya Hidup Sihat untuk Semua

Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka, sememangnya penting bagi setiap warga kerja memahami aspek pemakanan dan menjadikannya satu keutamaan dalam kehidupan harian mereka. Secara berkala, Nestlé telah menganjurkan program latihan yang dinamakan *Nutritional Quotient* (NQ). Dikendalikan oleh pakar pemakanan bertauliah, NQ bertujuan untuk memastikan setiap kakitangan memiliki pemahaman yang baik terhadap pemakanan dan seterusnya mempraktikkan dalam aktiviti profesional dan kehidupan harian mereka.

Sesi terbaru latihan NQ yang akan bermula pada bulan Jun, disasarkan kepada warga kerja bukan pengurusan di semua kilang Nestlé Malaysia. Siri pertama mesej pemakanan yang terdiri daripada enam topik berbeza telah disebarkan melalui poster *NQ Foundation* yang mudah difahami sepanjang tempoh enam bulan kepada sejumlah lebih daripada 3,300 kakitangan. Enam lagi topik akan dihantar kepada mereka pada tahun hadapan.

Di samping itu, Nestlé juga menganjurkan sesi Hari Kesejahteraan NQ di kilang Petaling Jaya, Batu Tiga dan Shah Alam, yang merangkumi penerangan mengenai pemakanan yang sihat, demonstrasi masakan sihat dan kuiz.

Kepentingan Perancangan dan Pengurusan Kewangan

Kesejahteraan dan kemajuan warga kerja kami melangkaui prestasi di tempat kerja. Sebagai sebahagian daripada program *Wellness@Work* Syarikat – khususnya melalui sesi bulanan *Lunch n' Learn Thursdays*, Nestlé telah menganjurkan ceramah tentang membangunkan minda ke arah kekayaan yang melahirkan sikap yang baik dalam pengurusan dan perancangan kewangan peribadi.

Ceramah tersebut disampaikan oleh salah seorang pendukung pendidikan kewangan peribadi terkemuka di negara ini – Pengasas dan CEO *Abacus for Money*, Carol Yip. Para peserta telah diberi kefahaman tentang kepentingan memahami hubungan dengan wang termasuk menguruskan gaji bersih, serta merancang dan menguruskan perkara berkaitan kewangan bagi menyesuaikan keperluan hidup seseorang.

Pada akhir sesi, para peserta mampu melihat bagaimana pengaruh psikologi dan fakta sebenar kewangan boleh memberi kesan terhadap pelan kewangan.


MENGEKALKAN KECERGASAN DI TEMPAT KERJA

Program Kesejahteraan Warga Kerja

Nestlé bukan sahaja komited untuk meningkatkan kehidupan para penggunanya, tetapi juga bagi para pekerjanya. Sepanjang tahun lalu, Syarikat telah mengadakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan seperti yang berikut untuk menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup yang aktif:

| | |
|--|---|
| Hari Buah-buahan | Buah-buahan segar diedarkan kepada para pekerja dua kali seminggu untuk menggalakkan pemakanan sihat dan untuk mengingatkan mereka tentang kepentingan pengambilan serat. |
| Hebahan Tip Kesihatan melalui e-mel | E-mel mingguan dihantar kepada para pekerja, memberikan mereka maklumat mengenai pelbagai topik berkaitan kesihatan dan kesejahteraan termasuk perubatan, mental, kewangan dan fizikal. |
| Ceramah Kesihatan | Pelbagai ceramah mengenai penyakit Tidak Berjangkit dan Berjangkit telah diadakan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan para pekerja. |
| Program Pemeriksaan Kesihatan | Pemeriksaan kesihatan dijalankan setiap tahun merangkumi Indeks Jisim Badan (BMI), peratusan lemak badan, tekanan darah, glukosa dan kolesterol. |
| Program Vaksinasi Selesema | Dalam usaha untuk mengurangkan ketidakhadiran, para pekerja dengan kadar Cuti Sakit yang tinggi disebabkan oleh selesema telah/akan menerima suntikan vaksinasi selesema percuma. |
| Derma Darah | Sebagai sebahagian daripada khidmat masyarakat, Nestlé telah bekerjasama dengan hospital-hospital untuk menganjurkan hari derma darah. |
| Program Pengurusan Tekanan | Memahami bahawa tekanan boleh memudaratkan, Nestlé mengadakan ceramah tentang bagaimana untuk mengenal pasti dan mengurus tekanan dengan baik. |
| Program Ergonomik | Para pekerja yang menghadapi sakit belakang telah menghadiri ceramah yang mendidik mereka tentang postur dan senaman mudah yang boleh mengurangkan atau mengelakkan sakit belakang. |
| Program Kecergasan Dalaman/Luaran | Pelbagai program kecergasan dilaksanakan untuk menggalakkan kakitangan agar lebih aktif, termasuk Cabaran <i>Treadmill</i> , seperti yang dinyatakan di bawah. |

Nestlé turut menganjurkan siri ceramah pendidikan kesihatan untuk membantu para pekerjanya menetapkan matlamat kesihatan yang mudah bagi tahun ini. Diadakan sebagai sebahagian daripada aktiviti *Lunch N' Learn Thursdays*, sejumlah sepuluh sesi telah dijalankan pada tahun 2014 dengan ceramah yang merangkumi pelbagai topik antaranya kepentingan pemakanan yang betul, mengekalkan kecergasan, pengurusan tekanan dan pelbagai lagi.



Kecergasan yang menyenangkan buat para pekerja Nestlé dengan Cabaran Treadmill Nestlé.

Cabaran Kecergasan yang Sihat dan Ceria untuk Semua

Nestlé Malaysia bekerjasama dengan pusat kecergasan terkenal – Fitness First – untuk menganjurkan Cabaran *Treadmill* Nestlé, yang bertujuan untuk menggalakkan para pekerjanya menjalani gaya hidup sihat dan mengetengahkan kepada mereka bahawa aktiviti kecergasan juga menyenangkan.

Cabaran yang pertama kali dianjurkan oleh Nestlé ini, memerlukan para peserta berlari di atas *treadmill* selama 10 minit. Terdapat lapan pasukan yang masing-masing terdiri daripada lima orang anggota dan hasilnya, kesemua lapan peserta telah berlari sejumlah 67.5 kilometer dalam masa 50 minit. Tiga pasukan muncul sebagai pemenang dan membawa pulang pingat dan hadiah-hadiah lain.

Di samping itu, Nestlé Malaysia melengkapkan pusingan kedua Cabaran *Lose & Win*, satu program pendidikan selama sepuluh minggu khusus bagi kakitangan dengan indeks jisim badan (BMI) 25 dan ke atas yang bermula pada bulan September 2014. Sepanjang program ini, para peserta telah menghadiri siri ceramah pengurusan berat badan dan sesi senaman yang membolehkan mereka belajar bagaimana untuk makan secara sihat dan menjalani gaya hidup aktif.

Yusni Kama Azura Yahya, Nurul Izzah Ishak dan Azrah Abdul Ghani muncul sebagai tiga pemenang teratas yang kehilangan berat badan bagi program ini yang berakhir pada bulan November. Secara keseluruhan, 10 pemenang telah membawa pulang hadiah-hadiah bernilai RM5,000. Secara kolektif, mereka telah berjaya menurunkan berat badan sebanyak 58.6 kilogram dan 24% daripada peratusan lemak badan.

MENGGALAKKAN WARGA KERJA UNTUK MENJANA NILAI BERSAMA

Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé ROCKS

Nestlé Reaching Out to Community and Kids (ROCKS) merupakan Program Sukarelawan Warga Kerja yang menggalakkan kakitangan kami untuk memenuhi tanggungjawab sosial mereka sendiri atau masyarakat melalui pelbagai inisiatif Syarikat dengan 30 buah rumah kebajikan 'angkat' Nestlé.

Sepanjang tahun ini, para sukarelawan yang dikenali sebagai ROCKers Nestlé, telah berpeluang mengambil bahagian dan menghulur bantuan dalam aktiviti yang tersenarai di bawah:

| | |
|---|---|
| Memasak untuk Pelarian | ROCKers Nestlé kami telah tampil bersama-sama untuk memasak, membungkus, menghantar dan memberi makanan kepada pelarian Myanmar di Rawang, serta pusat bandar Kuala Lumpur. Seramai 33 sukarelawan telah menyertai program ini, di mana mereka telah menyediakan 100 bungkusan makanan di Nestlé MAGGI Kitchen dan dihantar kepada mereka dalam dua kumpulan ke destinasi yang ditetapkan. |
| ROCKS Bersama Orang Asli, Ulu Batu | Nestlé menghulurkan bantuan kepada penduduk di Perkampungan Orang Asli Ulu Batu dengan menganjurkan ceramah kesihatan, menyumbang produk-produk Nestlé, bermain bersama kanak-kanak kampung dan menyajikan hidangan makan tengah hari untuk mereka. Seramai 33 sukarelawan telah menyertai aktiviti yang penuh kemeriahan ini. |
| Bazar ROCKin' | Bazar beli-belah tahunan yang dianjurkan oleh warga kerja Nestlé bagi membantu organisasi-organisasi kebajikan terpilih - Rumah Al-Hidayah dan St. Joseph, Sentul. Lebih RM51,000 berjaya dikutip melalui usaha menyeluruh Syarikat ini, dengan penyertaan 20 pasukan dari pelbagai jabatan dan kilang. |
| Acara Earth Hour Night Walk | Seramai 10 orang ahli ROCKers yang aktif telah dipilih untuk menyertai acara <i>Earth Hour Penang Night Walk</i> yang diadakan di Jalan Padang Kota Lama, Pulau Pinang, acara yang diadakan dengan kerjasama WWF-Malaysia, sebagai tanda sokongan ke arah mencari penyelesaian kepada krisis iklim. |
| Iftar Bersama Penghuni Kompleks Penyayang Bakti | Nestlé ROCKS telah menganjurkan majlis iftar yang meriah untuk para penghuni Kompleks Penyayang Bakti, Sungai Buloh. Seramai 34 sukarelawan telah menyertai acara ini yang turut meluangkan masa dengan kanak-kanak. Mereka ini telah mendedikasikan keseluruhan 136 jam masa sukarelawan. |
| Membeli-belah untuk Perayaan – Hari Raya dan Deepavali | Dengan semangat memberi dan berkongsi, ROCKers dan ahli keluarga mereka membawa senyuman kepada sekumpulan kanak-kanak dengan meraikan mereka dalam aktiviti membeli-belah untuk Hari Raya dan Deepavali. Sempena Hari Raya seramai 35 sukarelawan yang telah meluangkan masa membeli-belah bersama 60 kanak-kanak dari Rumah Amal Asnaf Al-Barakh, Olak Lempit. Manakala, aktiviti luar Deepavali telah menyaksikan penglibatan 19 sukarelawan yang membantu kanak-kanak dari Rumah Kebajikan Anbu Illam dan Rumah Kebajikan Karunai Illam membeli-belah untuk hari perayaan mereka. |



ROCKers Nestlé berkongsi keriangan bersama kanak-kanak dari Praise Emmanuel Children's Home pada majlis Hari Krismas hujung tahun lepas di Royale Chulan Damansara.

Parti Krismas

ROCKS telah berkongsi kemeriahan Krismas bersama 21 kanak-kanak dari Praise Emmanuel Children's Home dalam acara meluncur ais di samping memenuhi keinginan mereka. Seramai 17 orang ahli ROCKers yang menyertai sambutan perayaan begitu gembira menemani kanak-kanak dan membimbing mereka merasai pengalaman pertama meluncur ais.

Projek Membina Kediaman CAREton

Nestlé ROCKS, bersama-sama Tetra Pak dan EPIC Homes telah berganding bahu dalam usaha membina kediaman sebuah keluarga seramai empat orang di perkampungan Orang Asli Kg. Hulu Tamu, Batang Kali. Aktiviti amal tiga hari dua malam ini menyaksikan penglibatan seramai 11 orang ahli ROCKers.

Usaha Bantuan untuk Mangsa Banjir

Berikutan banjir besar yang melanda negeri Johor, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu pada bulan Disember, ROCKS telah menganjurkan kutipan derma, yang menyeru kepada warga kerja untuk membantu menyumbang barangan seperti produk kebersihan, bantal, beras dan barangan keperluan lain.

Secara keseluruhan, sebanyak 935kg beras, 27 bantal, 42 kotak produk kebersihan dan 12 kotak barangan keperluan lain telah berjaya dikumpul.

Kajian Kes

PENGLIBATAN DAN BIMBINGAN PEMIMPIN

Dalam usaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan lagi budaya kerja, Nestlé Malaysia telah menganjurkan dan melaksanakan Program *Leadership & Personal Effectiveness – LEAD PEP 2.1* – untuk para pengurus kanannya, termasuk Pengarah Urusan Syarikat, serta ketua-ketua bahagian dan pengurus unit perniagaan.

Dilaksanakan dengan kerjasama para pakar kepimpinan dari *Mount Eliza Executive Education, University of Melbourne* dan *Melbourne Business School*, objektif utama program ini adalah untuk memperbaiki hubungan di antara pemimpin dan ahli pasukan mereka, yang telah terbukti membantu meningkatkan markah Penglibatan Pekerja dalam Syarikat dan menyumbang kepada pencapaian sasaran pertumbuhan yang baik.

LEAD PEP 2.1 terdiri daripada tiga modul, dua daripadanya iaitu modul pertama dan terakhir adalah intensif dan memberi tumpuan kepada projek pembangunan individu. Modul kedua ini memerlukan para peserta menggunakan platform pembelajaran dalam talian *Melbourne Business School* yang komprehensif dan projek penyelidikan tindakan yang dipanggil “*Thread*” bagi menyokong pembelajaran dan pembangunan mereka sepanjang program. Ketiga-tiga modul ini akan dilaksanakan dan diselesaikan dalam tempoh empat bulan.

Nestlé melihat dirinya sebagai sebuah Syarikat yang berteraskan manusia yang bukan sahaja mengambil berat tentang kesejahteraan para penggunanya, tetapi juga warga kerjanya. Nestlé percaya bahawa mereka merupakan tunjang kepada Syarikat dan tiada sebarang kejayaan yang boleh dicapai tanpa komitmen dan sumbangan mereka.



Para peserta LEAD PEP 2.1 2014, sebuah program yang bertujuan untuk memperbaiki hubungan antara pemimpin dan ahli pasukan mereka.

Program ini meliputi topik utama dan penting dalam membentuk seorang pemimpin yang baik seperti kepimpinan, kesedaran diri, motivasi dan penglibatan pekerja, bimbingan, modal insan yang strategik, sensitiviti dan kesedaran budaya, penetapan minda global kepimpinan, memacu cabaran-cabaran yang kompleks dan abstrak serta pemasaran.

Sehingga kini, sebagaimana yang dirancang, program ini telah melibatkan seramai 163 orang peserta yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan.

MODUL 1:
Ogos-November

MODUL 2:
Sedang
Dijalankan

MODUL 3:
2015

MAKLUM BALAS POSITIF DARIPADA PROGRAM

Berdasarkan maklum balas daripada para peserta, LEAD PEP 2.1 telah mencapai objektif di mana para peserta merasakan program ini bermanfaat dan memberikan pengetahuan yang luas. Program ini telah membuka mata dan minda dalam mendorong para peserta untuk memperbaiki dan mencabar diri mereka untuk menjadi pemimpin yang lebih baik dan membolehkan mereka melaksanakan tugas harian dengan cara yang lebih baik dan lebih berkesan. Berikut adalah beberapa perkara bermanfaat yang para peserta dapati tentang modul 1:



Peserta LEAD PEP 2.1 berkongsi idea dan input sewaktu sesi perbincangan.

Di samping itu, para peserta juga mendapat pengetahuan baru tentang Modal Insan yang Strategik dan Prestasi Perniagaan, yang mana mengukuhkan lagi tentang pembelajaran di setiap langkah perjalanan dalam melaksanakan tugas. Para peserta diajar cara membina kepercayaan, menguruskan pekerja, serta menangani perbezaan budaya dan tingkah laku.

Pada akhir sesi, peserta dikehendaki untuk menilai Modul 1 program ini dengan memberi markah dari 1 (tidak memuaskan) 7 (memuaskan), dan hasil penilaian yang dicapai adalah 6.14.

Kesimpulannya, LEAD PEP 2.1 telah mewujudkan kesedaran baru terhadap impak nilai-nilai budaya dalam amalan kepimpinan dan mengukuhkan kepentingan bimbingan dalam membina hubungan dan motivasi bagi mencapai prestasi dan keputusan yang diinginkan.

Langkah seterusnya, tujuh kumpulan ini akan meneruskan Modul 3 program ini dalam tahun 2015.

WARGA KERJA KAMI – PRESTASI KAMI

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|-------|-------|--------------|
| Tenaga Kerja – Kakitangan Sepenuh Masa¹ | | | | |
| Bilangan kakitangan | LA1 | 5,669 | 5,847 | 5,702 |
| Jumlah bilangan kakitangan – Nestlé Products Sdn Bhd (Ibu Pejabat NPS, NPS NDC & Jualan) | LA1 | 1,506 | 1,524 | 1,585 |
| Jumlah bilangan kakitangan – Nestlé Manufacturing Malaysia (Kilang, NHM HOU & NMM NDC) | | 4,313 | 4,156 | 4,117 |
| NMM Shah Alam | LA1 | 1,144 | 1,116 | 1,126 |
| NMM Petaling Jaya | LA1 | 674 | 670 | 610 |
| NMM Batu Tiga | LA1 | 936 | 904 | 901 |
| NMM Kuching | LA1 | 232 | 229 | 234 |
| NMM Chembong & Ais Krim Chembong | LA1 | 1,048 | 1,957 | 951 |
| NMM HOU | | 76 | 80 | 75 |
| NMM NDC | | 203 | 200 | 220 |
| Kakitangan tetap (%) | LA1 | 99% | 99% | 99% |
| Kakitangan sementara & kontrak (%) | LA1 | 1% | 1% | 1% |
| Jumlah bilangan kakitangan baru mengikut jantina – Lelaki | | | | 131 |
| Jumlah bilangan kakitangan baru mengikut jantina – Wanita | | | | 116 |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut jantina – Lelaki | LA2 | 184 | 188 | 181 |
| Kadar kakitangan meninggalkan pekerjaan mengikut jantina (%) – Lelaki | LA2 | 3.3% | 3.32% | 3.17% |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut jantina – Wanita | LA2 | 130 | 143 | 174 |
| Kadar kakitangan meninggalkan pekerjaan mengikut jantina (%) – Wanita | LA2 | 2.3% | 2.52% | 3.05% |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut kawasan – Nestlé Products Sdn Bhd | LA2 | 148 | 206 | 184 |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut kawasan (%) – Nestlé Products Sdn Bhd | LA2 | 2.65% | 3.63% | 3.23% |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut kawasan – Nestlé Manufacturing Malaysia | LA2 | 162 | 125 | 171 |
| Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan mengikut kawasan (%) – Nestlé Manufacturing Malaysia | LA2 | 2.90% | 2.20% | 3.00% |
| Hubungan Buruh/Pengurusan² | | | | |
| Peratusan kakitangan yang dilindungi oleh perjanjian perundingan kolektif | LA2 | 97% | 73% | 72% |
| Kesihatan dan Keselamatan Pekerja³ | | | | |
| Kadar Kekerapan Hilang Masa Kecederaan | LA7 | 1.2 | 1.4 | 1.5 |

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|--|----------------|------------|------------|----------------|
| Kadar Kecederaan bagi Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Kawasan⁴ | | | | |
| Nestlé HOU | LA7 | 1.1 | 0.0 | 0.9 |
| NMM Shah Alam | LA7 | 2.9 | 3.5 | 0.6 |
| NMM Petaling Jaya | LA7 | 0.9 | 3.0 | 0.5 |
| NMM Batu Tiga | LA7 | 1.9 | 1.5 | 2.0 |
| NMM Kuching | LA7 | 3.7 | 3.5 | 1.8 |
| NMM Chembong | LA7 | 3.7 | 3.9 | 3.2 |
| NMM Ais Krim | LA7 | 2.0 | 0.0 | 16.8 |
| Pusat Pengedaran Nestlé | LA7 | 0.0 | 2.1 | 0.5 |
| Jualan & Pemasaran | LA7 | n/a | 0.0 | 2.1 |
| Kadar Hilang Hari untuk Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Kawasan⁵ | | | | |
| Nestlé HOU | LA7 | 0.5 | 0.0 | 17.4 |
| NMM Shah Alam | LA7 | 18.0 | 4.3 | 8.2 |
| NMM Petaling Jaya | LA7 | 1.5 | 14.5 | 1.5 |
| NMM Batu Tiga | LA7 | 0.4 | 3.9 | 4.3 |
| NMM Kuching | LA7 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| NMM Chembong | LA7 | 20.3 | 10.3 | 7.6 |
| NMM Ais Krim | LA7 | 55.1 | 0.0 | 77.3 |
| Pusat Pengedaran Nestlé | LA7 | 0.0 | 0.0 | 3.1 |
| Jualan & Pemasaran | LA7 | 0.0 | 0.0 | 2.8 |
| Bilangan Kematian untuk Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Kawasan⁶ | | | | |
| Nestlé HOU | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Shah Alam | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Petaling Jaya | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Batu Tiga | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Kuching | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Chembong | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| NMM Ais Krim | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| Pusat Pengedaran Nestlé | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| Jualan & Pemasaran | LA7 | 0 | 0 | 0 |
| Latihan dan Pembangunan⁷ | | | | |
| Latihan disediakan kepada kakitangan setiap tahun (nilai latihan – RM) | | 14,505,288 | 16,596,413 | 617,647 |
| Bilangan kehadiran – latihan tempatan | | 2,435 | 4,029 | 4,018 |
| Bilangan kehadiran – latihan luar negara | | 164 | 269 | 121 |
| Bilangan kakitangan yang mendaftar untuk Faedah-Flexi | | 620 | 748 | 887 |
| Purata masa latihan setiap tahun, bagi setiap kakitangan mengikut kategori kakitangan: | LA10 | | | |
| – Pengurusan | | 15.66 | 15.61 | 12.73 |
| – Bukan Pengurusan | | 17.68 | 14.74 | 11.11 |

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|-----------------------|-----------------------|-------------------------------|
| Purata masa latihan setiap tahun, bagi setiap tahun mengikut jantina | | | | |
| – Lelaki | | | | 900 |
| – Wanita | | | | 1,869 |
| Peratusan kakitangan yang menerima ulasan prestasi dan pembangunan kerjaya | LA12 | | | |
| – Pengurusan | | 94% | 100% | 100% |
| Kepelbagaian⁸ | | | | |
| Profil jantina (jumlah) – % lelaki | LA13 | 66% | 65% | 66% |
| Profil jantina (jumlah) – % wanita | LA13 | 34% | 35% | 34% |
| Jawatan kepimpinan dipegang oleh wanita | LA13 | 42% | 37% | 43% |
| Nisbah gaji Wanita/Lelaki (wanita:lelaki) | LA14 | | | |
| Pengurusan Tertinggi | | 7:93 | 17:83 | 31:69 |
| Pengurusan Kanan | | 28:72 | 29:71 | 34:66 |
| Pengurusan Pertengahan 1 | | 40:60 | 42:58 | 38:62 |
| Pengurusan Pertengahan 2 | | 46:54 | 48:52 | 48:52 |
| Eksekutif | | 51:49 | 53:47 | 52:48 |
| Pentadbir Sokongan Sulit | | 82:18 | 84:16 | 79:21 |
| Bukan Pengurusan (Kesatuan Sekerja) | | 30:70 | 29:71 | 28:72 |
| Hak Asasi Manusia dan Piawaian Buruh⁹ | | | | |
| Kakitangan baru dilatih mengenai keperluan, hak asasi manusia dan piawaian buruh kakitangan (bilangan kakitangan) | | 138 | 172 | 145 |
| Peratusan dan jumlah bilangan unit perniagaan yang dianalisa untuk risiko berkaitan rasuah | SO2 | 14 out of 81 (17%) | 15 out of 84 (18%) | 10 out of 85 (12%) |
| Peratusan kakitangan terlatih dalam dasar dan prosedur anti-rasuah organisasi: | SO3 | | | |
| – Pengurusan | | 1,501 | 1,585 | 385 |
| – Bukan Pengurusan | | 4,380 | 4,262 | 47 |
| – Kakitangan Diaudit ¹⁰ | | 3,877 | 4,660 | 833 |

¹ Sumber: Rekod dari Sumber Manusia, 2014.

² Sumber: Rekod dari Sumber Manusia, 2014.

³ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

⁴ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

⁵ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

⁶ Data bagi 2012 dan 2013 telah dikemas kini sebagai laporan baru daripada SHE-PM.

⁷ Sumber: Rekod dari Sumber Manusia, 2014.

⁸ Sumber: Rekod dari Sumber Manusia, 2014.

⁹ Sumber: Rekod dari Sumber Manusia, 2014.

¹⁰ Pengurangan bilangan bagi 2014 adalah kerana ketiadaan audit di kilang-kilang.

PARA PELANGGAN DAN PASARAN KAMI

Sejak pertama kali Nestlé menerokai pasaran di negara ini pada tahun 1912, kami terus menawarkan produk-produk yang menjadi pilihan rakyat Malaysia, menunaikan janji jenama kami iaitu **GOOD FOOD, GOOD LIFE.**



1,649,
PLEDGE TO LIVE A HEALTHY LIFESTYLE





Home

Contest #JanjiSihat

Story #JanjiSihat

Promotion



OS X Updates Available

Your computer will restart to
complete these updates.

Details

Restart

375

STYLE WITH YOUR FAMILY!

Share your
#JanjiSihat
stories!

to live a
Healthy
Family

Good To Know
Snack Swap
Stock your kitchen
with fresh fruits or eggs
(< 400 kcal)

Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di negara ini, Nestlé Malaysia telah mencabar para penggunanya untuk hidup lebih sihat melalui cara pemakanan yang baik dan gaya hidup aktif dengan kempen 'Nestlé Promosi Lebih Kebajikan, Lebih Nilai' yang dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kehidupan sihat di kalangan rakyat Malaysia.



20,000 peserta dan keluarga mereka menyertai acara Hari Sarapan Malaysia 2014 yang dianjurkan untuk mempromosikan kepentingan bersarapan pagi.

Sebagai pengeluar makanan terkemuka di negara ini, kami bertanggungjawab untuk membantu meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia dengan menyediakan penyelesaian Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan melalui produk-produk dan aktiviti-aktiviti kami.

Pada asasnya, kami mampu melaksanakannya dengan memanfaatkan sumber-sumber global kami, termasuk rangkaian Pembangunan & Penyelidikan pemakanan swasta terbesar di dunia. Ini telah membolehkan kami untuk terus melakukan pembaharuan dan mengubahsuai produk-produk kami, menjadikannya lebih sihat dan lebih berkhasiat untuk menangani pelbagai masalah kesihatan pada hari ini.

Di samping itu, Nestlé turut mewujudkan kesedaran tentang pemakanan sihat dan menggalakkan gaya hidup yang aktif melalui pelbagai aktiviti, yang setiap satunya dikhususkan dan disasarkan kepada pihak-pihak berkepentingan yang berbeza dengan matlamat untuk membantu mereka menjalani kehidupan yang sihat.

Bilangan peserta larian

7,709
orang

Liputan media

42
keratan akhbar
dan 5 segmen
siaran TV.

MULAKAN HARI DENGAN SARAPAN

Sarapan pagi merupakan makanan harian yang paling penting, ianya baik untuk kesihatan dan penting untuk memulakan hari yang positif. Namun realitinya, ia menjadi salah satu hidangan yang sering diabaikan – sebahagian besarnya disebabkan oleh gaya hidup pantas dan sibuk yang kita amalkan hari ini. Bagi menangani permasalahan ini, jenama minuman malt coklat kegemaran negara – MILO – melancarkan Hari Sarapan Malaysia, satu inisiatif untuk menyedarkan masyarakat akan penting mengambil sarapan pagi.

Edisi 2014 telah diadakan di Putrajaya dengan acara kemuncak pada hari tersebut adalah larian Hari Sarapan Malaysia, yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Competitive Run* sejauh 7km bagi pelari individu yang serius dan *Family Fun Run* sejauh 3km bagi pasukan seramai empat orang.

Pada tahun lalu, terdapat peningkatan dalam acara larian serta penyertaan, yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia semakin mementingkan kesihatan dengan lebih ramai memilih untuk berlari sebagai satu cara senaman yang mudah. Ini jelas dilihat dengan peningkatan bilangan pelari bagi acara *Competitive Run* yang melibatkan pendaftaran seramai 7,709 pelari.

Para peserta daripada kedua-dua acara larian kemudiannya disajikan dengan sarapan yang sihat, termasuk pelbagai pilihan hidangan kegemaran Malaysia. Acara tersebut dan kepentingan objektifnya telah mendapat liputan oleh media, bilamana berjaya menjana liputan yang luas melalui 42 keratan akhbar dan 5 segmen siaran TV.

PEMAHAMAN TENTANG PENGURUSAN TERAPI RAWATAN RAPI

Nestlé menawarkan kepakaran pemakanan untuk individu yang mempunyai keperluan pemakanan khusus melalui unit Penjagaan Kesihatan Pemakanan (HCN) – bagi mewujudkan kesedaran secara aktif mengenai isu-isu kesihatan dan menyediakan penyelesaian dalam bidang pengurusan pemakanan perubatan.

Pada tahun ini, HCN telah menganjurkan satu simposium untuk profesional penjagaan kesihatan yang terlibat dalam pengurusan Unit Rawatan Rapi (ICU), memberikan mereka maklumat terkini tentang pengurusan terapi dalam berurusan dengan pesakit ICU. Simposium tersebut telah mengundang penceramah terkemuka Profesor Stephen McClave MD dari Universiti Louisville, dengan pembentangan yang memberi tumpuan kepada pemakanan penjagaan kritikal.



Institut Pemakanan Nestlé (NNI) banyak menyumbang kepada pendidikan saintifik dan pemakanan dengan menganjurkan taklimat dan bengkel yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang pemakanan di kalangan komuniti saintifik, pemakanan dan kesihatan.

PELANCARAN GARIS PANDUAN PENCEGAHAN ALERGI MALAYSIA YANG BERGUNA

Institut Pemakanan Nestlé (NNI) Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2007 dengan tujuan untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang pemakanan di kalangan komuniti saintifik, pemakanan dan kesihatan. Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, NNI telah secara aktif menganjurkan pelbagai simposium dan bengkel bagi institusi dan profesional penjagaan kesihatan.

Memupuk kesihatan yang baik untuk bayi dari 1,000 hari pertama dalam kehidupannya adalah penting dan ini termasuklah dari segi pengambilan pemakanan, kesihatan secara umum dan kesejahteraan keseluruhan. Dengan keyakinan dan objektif utama tersebut, NNI Malaysia telah memulakan kajian kesihatan ekonomi yang memberi tumpuan kepada pencegahan alergi. Diketuai oleh tiga orang pakar pediatrik dari Hospital Pantai Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan Subang Jaya, kajian penilaian penggunaan

dan keberkesanan kos separa hidrolisis formula protein dadih susu yang dapat membantu mengurangkan risiko ekzema kepada bayi. Penemuan daripada kajian tersebut telah dikongsi dan dibincangkan dengan para profesional penjagaan kesihatan di Kongres Persatuan Obstetrik & Ginekologi Malaysia (OGSM) ke-23.

Garis Panduan Pencegahan Alergi Malaysia (MAP) yang pertama untuk Profesional Penjagaan Kesihatan yang diiktirafkan oleh tiga pertubuhan perubatan terkenal di Malaysia iaitu Persatuan Alergi dan Imunologi Malaysia (MSAI), Persatuan Obstetrik & Ginekologi Malaysia (OGSM) dan Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA) merangkumi topik-topik seperti diet dan amalan ibu mengandung, penyusuan susu ibu, formula bayi dan makanan tambahan yang akan menjadi rujukan berguna untuk profesional penjagaan kesihatan ketika berurusan dengan para pesakit mereka.

Jumlah syarikat
SME yang terlibat

250
dan

350
peserta

Sumbangan lain NNI kepada pendidikan pemakanan dan saintifik sepanjang tahun termasuklah “Bengkel Pendidikan Perubatan Berterusan bagi Pegawai Perubatan” selama dua hari dan Simposium NNI ke-5 yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Pediatrik Malaysia; dan bengkel pemakanan untuk pakar diet yang dianjurkan bersama Persatuan Dietitian Malaysia.

SESI BIMBINGAN BAGI USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA (SME)

Pada bulan Ogos tahun 2009, Nestlé Malaysia telah menandatangani memorandum perjanjian bersama Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) dengan tujuan untuk membimbing dan berkongsi dengan perniagaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam industri makanan dan minuman Halal, amalan-amalan terbaik dalam aspek pelaksanaan dan jaminan Halal.

Sejak sesi pertama yang diadakan pada tahun 2010, Nestlé, HDC dan SME Corp telah berjaya menganjur dan melaksanakan empat sesi setiap tahun, melibatkan sebanyak 250 syarikat dan 350 orang peserta.

Sesi Bimbingan Halal bagi SME dari 2010 hingga 2014

| Tahun | Lokasi | Bilangan syarikat | Bilangan peserta |
|--------|--|-------------------|------------------|
| 2010 | (i) Pusat Latihan HDC, Bandar Utama, Selangor | 8 | 13 |
| 2011 | (i) Pusat Latihan HDC, Bandar Utama, Selangor (ii) Hotel New York Hotel, Johor Bahru, Johor (iii) Pusat Latihan, Bandar Utama, Selangor (iv) Hotel Sunway Seberang Jaya, Pulau Pinang | 50 | 74 |
| 2012 | (i) Pusat Latihan HDC Bandar Utama, Selangor (ii) Awana Kijal, Terengganu (iii) Hotel Renaissance Melaka, Melaka (iv) Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak | 55 | 89 |
| 2013 | (i) Hotel Park Avenue, Sg. Petani, Kedah (ii) Hotel Belmont Marco Polo, Tawau, Sabah (iii) Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan (iv) Pusat Latihan HDC, Bandar Utama, Selangor | 61 | 76 |
| 2014 | (i) Hotel Impiana, Ipoh, Perak (ii) Hotel Park City Everly, Miri, Sarawak (iii) Hotel Thistle, Johor Bahru, Johor (iv) Dewan Mahkota, SME Corp., KL Sentral | 76 | 98 |
| Jumlah | | 250 | 350 |



Pada tahun 2014, Nestlé Malaysia dan PwC Malaysia telah bersama-sama menganjurkan sebuah taklimat interaktif bertopikkan Menjana Nilai Bersama untuk membantu organisasi-organisasi memahami dengan lebih mendalam tentangnya dan cara-cara untuk menyumbang kepada kejayaan perniagaan buat jangka masa panjang.

MENYEBARLUASKAN MESEJ KEMAMPANAN

Sejak sekian lama, Nestlé telah berjaya membuktikan daya maju Menjana Nilai Bersama (CSV), yang kami telah terapkan ke dalam cara kami mengendalikan perniagaan. Sebagai pendukung teguh falsafah CSV, kami telah bekerjasama dengan PwC Malaysia untuk menganjurkan forum tentang bagaimana kemunculan trend seperti CSV dan penilaian impak mampu membimbing dan memberi sumbangan kepada kejayaan perniagaan jangka panjang bagi sesebuah organisasi.

Bertemakan *Measuring Shared Value: Enabling Effective Sustainability*, program setengah hari ini telah dihadiri oleh 50 peserta dari pertubuhan-pertubuhan yang telah memulakan CSV, serta mereka yang berminat untuk menerokai pendekatan CSV.

Sesi interaktif tersebut telah membentangkan perspektif yang unik dalam membuat keputusan dan perkara utama yang dibincangkan termasuk keperluan untuk perniagaan mengukur dan menilai secara aktif impak mereka melebihi prestasi biasa dan bagaimana perniagaan boleh memanfaatkan daripada gambaran yang lebih menyeluruh tentang prestasi mereka. Nestlé dan PwC telah berkongsi amalan-amalan terbaik berdasarkan kepakaran dan pengetahuan mereka.

Pada akhir program, para peserta berpeluang menyaksikan demonstrasi masakan yang enak oleh chef Nestlé Malaysia – Chef Muluk – bagaimana untuk menyediakan sajian yang mudah, sihat dan berkhasiat.

Kajian Kes

PROMOSI LEBIH KEBAIKAN, LEBIH NILAI NESTLÉ

Menggalakkan Amalan Gaya Hidup Sihat

Gaya hidup yang sibuk hari ini, ditambah pula dengan kemudahan moden, sedikit sebanyak telah memberi kesan dan mengubah cara hidup dan pemakanan kita, ia menyebabkan pengambilan makanan yang tidak sempurna dan gaya hidup yang pasif. Sering kali, makanan akan diambil pada masa yang tidak menentu dan kerap berlaku pada hari ini, di mana makanan diambil secara bersendirian dan bukannya bersama ahli keluarga. Kadar inflasi dan kos sara hidup menambahkan lagi masalah apabila pengguna memilih makanan yang tidak begitu sihat, yang dianggap sebagai lebih mampu.

Disebabkan hakikat ini, Nestlé Malaysia telah melancarkan satu inisiatif untuk menggalakkan pemakanan dan gaya hidup sihat, serta menggalakkan rakyat Malaysia meluangkan lebih banyak masa



Pengarah Urusan Nestlé Malaysia En. Alois Hofbauer dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim di majlis pelancaran kempen Promosi Lebih Kebajikan, Lebih Nilai Nestlé.



Para pengguna sedang menyaksikan demonstrasi masakan sihat yang diadakan sebagai sebahagian daripada kempen Promosi Lebih Kebajikan, Lebih Nilai Nestlé.

bersama keluarga khususnya untuk menikmati hidangan, kerana meluangkan masa bersama keluarga adalah penting dan merupakan kunci kepada kebahagiaan.

Kempen untuk Mempromosikan Lebih Kebajikan dan Lebih Nilai

Kempen Promosi Lebih Kebajikan, Lebih Nilai Nestlé bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang kepentingan gaya hidup sihat, serta menunjukkan bahawa makan secara sihat bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga boleh dinikmati pada harga yang berpatutan. Kempen ini telah mendapat sokongan dari Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, memandangkan ia sejajar dengan salah satu objektif Kementerian untuk membangunkan komuniti yang sihat dan sejahtera melalui pemakanan dan gaya hidup yang sihat.

Dilancarkan pada bulan Mac 2014, kempen selama enam minggu ini disokong dengan promosi bergerak yang telah diadakan di 22 pasar raya besar dan pasar raya seluruh negara, dengan potensi mencapai sejumlah 670,500 pengguna. Di samping itu, Nestlé turut mengadakan unit promosi bergerak di 740 lokasi dan 1,386 gedung yang mengambil bahagian, melibatkan sejumlah 298,702 lagi pengguna. Promosi dan unit bergerak terbukti menjadi saluran berkesan untuk menyebarkan mesej Nestlé mengenai kesihatan dan pemakanan yang mencatatkan jumlah janji yang diterima jauh melebihi sasaran awal iaitu untuk mendapatkan 1 juta janji.

Melalui kempen ini, Syarikat berpeluang berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan dengan para pengguna di Malaysia, di samping menawarkan produk makanan dan minuman yang berkhasiat dan lazat pada nilai yang hebat. Para pengguna juga berpeluang menikmati tawaran nilai hebat sehingga 20% apabila membeli produk-produk Nestlé yang terpilih.

Usaha Nestlé dalam mempromosikan kempen dan menyampaikan mesej-mesej utama dapat dilihat melalui pelbagai saluran media termasuk iklan akhbar, televisyen dan radio, laman web Syarikat dan laman media sosial.

Berjanji untuk Kehidupan yang Lebih Baik

Sepanjang tempoh kempen, rakyat Malaysia digalakkan untuk mengisytiharkan janji bagi menjalani kehidupan dengan

lebih sihat. Mereka boleh berbuat demikian dengan mendaftar di laman web Nestlé <http://www.nestle.com.my/PromosiLebih> atau dengan mengunjungi promosi bergerak interaktif yang diadakan di pelbagai lokasi di seluruh negara bermula 1 Mac hingga 15 April 2014. Mereka juga menerima tip harian tentang gaya hidup yang sihat melalui laman Facebook Nestlé Good Food Good Life dan e-mel. Pada akhir kempen, Nestlé berjaya menerima 2.2 juta janji sihat.

Nestlé turut menggalakkan orang ramai untuk berkongsi kisah-kisah inspirasi mereka dan komitmen untuk hidup gaya hidup sihat melalui peraduan kisah #JanjiSihat yang telah menerima sejumlah 5,381 penyertaan.

PENCAPAIAN

Walaupun jumlah janji yang diterima tidak mencerminkan petunjuk sebenar rakyat Malaysia yang ingin menjalani gaya hidup sihat dan makan secara sihat, namun ia memberi gambaran tentang tahap kesedaran yang tinggi terhadap kempen dan mesej-mesej utama yang ingin disampaikan.

Di peringkat jualan, pek-pek promosi memaparkan mesej-mesej kempen dengan memberikan maklumat kesihatan dan pemakanan produk Nestlé dan nilai terbaik untuk diet sihat.

** Janji-janji Kempen Promosi Nestlé Lebih Baik, Lebih Nilai yang dibuat/diterima disifatkan sebagai bukan unik.*

Janji Sihat yang diterima

2.2 juta

Penyertaan peraduan kisah
JanjiSihat yang diterima

5,381

PASARAN – PRESTASI KAMI

| | Rujukan GRI | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|----------------|--------|--------|---------------|
| Pemakanan | | | | |
| Produk memenuhi atau melebihi kriteria profil Asas Pemakanan (% jualan) | # | 78% | 78% | 77% |
| Produk memenuhi atau melebihi pilihan citarasa pengguna (% jualan) | # | 80% | 89% | 88% |
| Produk dengan tambahan khasiat pemakanan berbanding pesaing (% jualan) | # | 52% | 53% | 51% |
| Produk dengan kenyataan nutrisi di hadapan bungkus | PR3 | 67% | 62% | 59% |
| Produk yang disertakan dengan Kompas Pemakanan Nestlé (% jualan) | PR3 | 100% | 100% | 100% |
| Produk dengan label Garis Panduan Jumlah Harian (GDA) (% jualan) | PR3 | 98% | 98% | 98% |
| Pemakanan, Kesihatan & Kesejahteraan¹ | | | | |
| Bilangan warga kerja yang menerima latihan pemakanan | # | 724 | 188 | 7,169 |
| Perkhidmatan Pengguna | | | | |
| Bilangan kes yang dikendalikan | # | 17,067 | 21,601 | 16,700 |
| Bilangan pertanyaan | # | 14,661 | 18,151 | 13,078 |
| Bilangan aduan | # | 2,316 | 3,342 | 3,579 |
| Bilangan pujian | # | 90 | 108 | 43 |

Penanda khusus Nestlé

¹ Jumlah berdasarkan Latihan Kelas NQ di Kilang-kilang dan NQ Booster termasuklah Tip Kesejahteraan melalui sebaran e-mel.

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

1. Anugerah Kecemerlangan Halal 2014

Nestlé Malaysia telah menerima Anugerah Kecemerlangan Halal 2014 untuk sumbangannya terhadap pembangunan industri Halal ketika acara Minggu Halal Sedunia yang dianjurkan oleh Halal Development Corporation (HDC). Anugerah tersebut disampaikan oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Nazrin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Shah dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed kepada Pengerusi Syarikat, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail.

2. Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (National Annual Corporate Report Awards – NACRA) 2014

Dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah (MICPA), Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) adalah satu anugerah yang mengiktiraf kecemerlangan dalam kualiti laporan korporat, kewangan dan Tanggungjawab Sosial. Pada 20 November 2014, Nestlé Malaysia telah dianugerahkan Anugerah Emas untuk Laporan Tanggungjawab Sosial Terbaik dan Kecemerlangan Industri bagi Produk Pengguna Terbaik, yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Y.B. Datuk Hj. Ahmad Hj. Maslan.

3. Anugerah Kecemerlangan Korporat & Kemampanan Asia (Asia Corporate Excellence & Sustainability Awards – ACES) 2014

Anugerah Kecemerlangan Korporat & Kemampanan Asia (ACES) mengiktiraf syarikat-syarikat dan individu-individu dari Asia berdasarkan sumbangan yang diberikan kepada masyarakat di mana mereka beroperasi di serata dunia. Pada tahun 2014, Nestlé Malaysia telah dipilih sebagai salah satu daripada tiga pemenang kategori Penyokong Tanggungjawab Sosial terkemuka di Asia dan juga merupakan satu-satunya pemenang dari Malaysia.



4. Anugerah 100 Majikan Siswazah Terkemuka Malaysia 2014

Nestlé Malaysia disenaraikan sebagai salah satu 100 Majikan Siswazah Terkemuka Malaysia 2014, satu anugerah yang meraikan pengambilan graduan utama Malaysia, yang merupakan hasil undian yang dibuat oleh para pelajar tahun akhir dan graduan baru dalam Barometer Siswazah – Edisi Malaysia. Syarikat dianugerahkan sebagai Syarikat Majikan Siswazah paling popular dalam sektor FMCG, hasil daripada usahanya untuk memelihara perhubungan dengan institusi pelajaran, para siswazah dan golongan profesional muda.

5. Malaysia Book of Records – Anugerah Kecemerlangan 100 Tahun (April 2014)

Malaysian Book of Records (MBR) adalah satu badan rasmi yang mengiktirafkan para pemegang, pemecah dan pencipta rekod negara. Dalam usahanya untuk menggalakkan sektor swasta untuk melibatkan diri dalam membangunkan negara untuk mencapai Wawasan 2020, MBR juga mengiktirafkan syarikat-syarikat yang telah berkhidmat lebih daripada 100 tahun. Pada bulan April 2014, Nestlé Malaysia menerima Anugerah Kecemerlangan 100 tahun kerana telah terus melabur dan memberi nikmat kepada para penggunaanya selama satu abad.

6. Anugerah Jenama Putra (The Putra Brand Awards) 2014

Anugerah Putra Brand Awards mengiktiraf dan menganugerahkan beberapa jenama besar dan kegemaran negara meliputi pelbagai jenis kategori industri berdasarkan pilihan para pengguna. Untuk edisi 2014, Nestlé Malaysia telah dianugerahkan Anugerah Emas dan Perak masing-masing di bawah kategori Minuman Pilihan Ramai Bukan Beralkohol; dan MAGGI memenangi Anugerah Emas untuk kategori Makanan Pilihan Rami.

7. Anugerah Effie 2014

Anugerah Effie dianjurkan bersama oleh Persatuan Pengiklanan Malaysia (MAA), Persatuan Ejen Pengiklanan Bertauliah Malaysia (4As) dan Persatuan Pakar Media (MSA), dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Pada tahun 2014, ia telah mengiktiraf Kempen MILO ‘Fuel for Champions’, di mana Nestlé Malaysia telah dianugerahkan Anugerah Gangsa untuk ideanya yang kreatif, pelaksanaannya yang hebat dan pemasaran melebihi sasaran jualan. Dua lagi jenama juga berjaya memasuki pusingan akhir – MAGGI untuk Kempen ‘Bigger Pack, Bigger Satisfaction’ dan KIT KAT untuk Kempen Autograf Zizan.

8. Advertising + Marketing Magazine’s Agency of the Year and MARKies Awards 2014

Anugerah Advertising + Marketing Magazine’s Agency of the Year and MARKies Awards 2014 mengiktirafkan prestasi sebuah agensi untuk membangunkan iklan kreatif dan boleh memenangi anugerah. Jenama-jenama Nestlé Malaysia yang disenaraikan untuk tahun 2014 adalah seperti berikut:

- [Idea Perhubungan Awam/ Media Terbaik](#)
The MILO Breakfast Movement (FleishmanHillard)
- [Idea Media Cetak Terbaik](#)
“Going beyond Digital to create User Generated Content” produk-produk Nestlé (Mindshare Malaysia)
- [Idea Iklan TV Terbaik](#)
MAGGI Big Kari (Publicis Malaysia)
- [Idea Media Sosial Terbaik](#)
KIT KAT, Kempen The Grand Break (Mitosis)
- [Idea Media Bersepadu Terbaik](#)
MAGGI Big Kari (Publicis Malaysia)

9. The Dragon Award 2014

Anugerah The Dragon Award dianjurkan oleh Promotion Marketing Awards of Asia (PMAA) yang mengiktiraf and memilih kempen promosi pasaran yang terbaik di rantau Asia. Kempen-kempen ini dikaji atas dasar strategi, keaslian, pelaksanaan kreatif dan keberkesanan. Nestlé Malaysia telah menerima anugerah-anugerah Emas Malaysia dan Emas Asia untuk Kempen The MILO Breakfast Movement.

KANDUNGAN ASAS GRI

KANDUNGAN ASAS BAHAGIAN I: PROFIL ASAS

1. Strategi dan Analisa

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan | Tahap Laporan |
|-------------|---|---|---------------|
| 1.1 | Kenyataan daripada pembuat keputusan paling kanan di organisasi | <p>Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan, mesej oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Urusan boleh didapati di muka surat 002-005 dalam Laporan Nestlé dalam Masyarakat (NiS) 2014.</p> <p>Fokus utama kami adalah Pemakanan, Air/Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar. Inisiatif-inisiatif utama ini diterangkan bersama sasaran dan prestasi mereka:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemakanan: Program Nestlé Healthy Kids – muka surat 028-031. • Air/Alam Sekitar: Projek RiLeaf dan inisiatif alam sekitar lain – muka surat 034-047. • Pembangunan Luar Bandar: Kelab Padi Nestlé - muka surat 042. <p>Dalam masa 3-5 tahun, kami merancang untuk menjalankan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemakanan: Program Nestlé Healthy Kids <ul style="list-style-type: none"> – Untuk menjana sebuah masyarakat yang lebih sihat dengan menyediakan pengetahuan tentang pemakanan dan gaya hidup aktif kepada 10,000 kanak-kanak sekolah. – Menangani masalah pemakanan negara. • Air/Alam Sekitar: Projek RiLeaf dan inisiatif alam sekitar lain <ul style="list-style-type: none"> – Memasang kemudahan kitar semula sisa kumbahan air untuk mengurangkan penggunaan air. – Beroperasi dengan bahan api bersih di kilang Chembong kami i.e. penggunaan Gas Asli dan menggantikan minyak bahan api ringan digunakan sekarang. – Memasang CO-Gen untuk mengurangkan kesan karbon tenaga kami. • Pembangunan Luar Bandar: Kelab Padi Nestlé (NPC) <ul style="list-style-type: none"> – Meningkatkan hasil pertanian bagi para petani NPC. – Menggunakan pencarian penyelidikan kami tentang Alam Sekitar, Keselamatan Makanan & Agronomi untuk meningkatkan kualiti, boleh dikesan, kemampuan & hasil penanaman/pertumbuhan padi. – Menggunakan produk sampingan secara efektif yang akan menyebabkan sisa Sifar dari pengilang-pengilang NPC. | ● |



Penuh



Separa



Tidak dilaporkan

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan |
|-------------|--|--|
| 1.2 | Penerangan mengenai kesan, risiko dan peluang utama. | <p>Setelah menentukan Strategi Penglibatan Pemegang Berkepentingan, penglibatan kami bersama rakan kerjasama seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, NGO seperti Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) dan Persatuan Penyelidikan Obesiti Malaysia (MASO), serta para pelanggan utama Nestlé, masih diteruskan untuk meningkatkan kelayakan kami sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan (NHW) yang terkemuka di Malaysia.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai Strategi Penglibatan Pemegang Berkepentingan, Proses Penglibatan Pihak Berkepentingan dan topik-topik yang dibincangkan dan dipersetujui dengan pihak berkepentingan pada tahun 2014, sila rujuk muka surat 012-015 dalam Laporan NiS 2014.</p> <p>Tiga bidang telah dikenalpasti yang mempunyai kesan yang ketara ke atas kemamparan perniagaan dan operasi adalah Pemakanan, Air/Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar, yang diterangkan di muka surat 010 & 011. Penilaian prestasi bidang-bidang ini boleh didapati di:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemakanan: muka surat 020-033, 062-066. • Air/Alam Sekitar: muka surat 034-047. • Pembangunan Luar Bandar: muka surat 026 & 027, 041 & 042. <p>Dalam masa 3 - 5 tahun kami merancang untuk menjalankan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemakanan: Program Nestlé Healthy Kids <ul style="list-style-type: none"> – Untuk menjana sebuah masyarakat yang lebih sihat dengan menyediakan pengetahuan tentang pemakanan dan gaya hidup aktif kepada 10,000 kanak-kanak sekolah. – Menangani masalah pemakanan negara. • Air/Alam Sekitar: Projek RiLeaf dan inisiatif alam sekitar lain <ul style="list-style-type: none"> – Memasang kemudahan kitar semula sisa kumbahan air untuk mengurangkan penggunaan air. – Beroperasi dengan bahan api bersih di kilang Chembong kami i.e. penggunaan Gas Asli dan menggantikan minyak bahan api ringan digunakan sekarang. – Memasang CO-Gen untuk mengurangkan kesan karbon tenaga kami. • Pembangunan Luar Bandar: Kelab Padi Nestlé <ul style="list-style-type: none"> – Meningkatkan hasil pertanian bagi para petani NPC. – Menggunakan pencarian penyelidikan kami tentang Alam Sekitar, Keselamatan Makanan & Agronomi untuk meningkatkan kualiti, boleh dikesan, kemamparan & hasil penanaman/pertumbuhan padi. – Menggunakan produk sampingan secara efektif yang akan menyebabkan sisa Sifar dari pengilang-pengilang NPC. <p>Sepertimana diilhamkan dan ditegaskan oleh Pelan NHW untuk semua pasaran Nestlé di Zon AOA (Asia, Oceania dan Afrika), Nestlé Malaysia komited untuk meletakkan para Pengguna & Pelanggan dalam apa jua kami lakukan dengan membina kepercayaan terhadap jenama sebagai syarikat NHW utama.</p> <p>Di samping itu, untuk memerangi NCD di Malaysia, Nestlé Malaysia akan memastikan bahawa Syarikat selaras dengan Pelan Strategik Nasional bagi NCD 2010 kerajaan. Usaha-usaha untuk membentasi NCD dengan kanak-kanak diberi keutamaan melalui program-program sekolah. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 023 & 024 dan 028-031 dalam Laporan NiS 2014.</p> <p>Mekanisme Tadbir Nestlé Malaysia untuk menguruskan risiko dan peluang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemakanan: Polisi Nestlé tentang Natrium (garam), Polisi Nestlé tentang Gula, Polisi Nestlé tentang Lemak Tepu, Polisi Nestlé tentang Trans Lemak, Polisi Nestlé tentang Memperkukuhkan Produk Makanan dengan Vitamin, Mineral dan Sisa Elemen. • Air/Alam Sekitar: Sila rujuk muka surat 036-038. • Pembangunan Luar Bandar: Kelab Padi Nestlé merekod jumlah yang dihantar kepada mereka selepas setiap tuaian. <p>Sila rujuk kepada muka surat 036-038 untuk maklumat lanjut tentang komitmen kemamparan alam sekitar Syarikat termasuk impak utama, sasaran dan peluang.</p> |

2. Profil Organisasi

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan | Tahap Laporan |
|-------------|---|--|---------------|
| 2.1 | Nama organisasi. | Nestlé (Malaysia) Berhad | ● |
| 2.2 | Jenama, produk, dan/ atau perkhidmatan utama. | Maklumat mengenai jenama dan produk utama terdapat di dalam Laporan Korporat 2014 pada muka surat 018-031 (rujuk Ulasan Perniagaan) dan dalam Laporan NiS 2014 pada muka surat 007 (rujuk Fakta Ringkas). | ● |
| 2.3 | Struktur operasi syarikat termasuk bahagian utama, syarikat-syarikat beroperasi, syarikat-syarikat subsidiari dan usahasama. | Berikut adalah pelaburan Nestlé (Malaysia) Berhad bagi syarikat-syarikat subsidiari dan usahasama: <ul style="list-style-type: none"> • Nestlé Products Sdn. Bhd. (100%) <ul style="list-style-type: none"> – Jualan, pengedaran dan aktiviti pemasaran • Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. (100%) <ul style="list-style-type: none"> – Aktiviti pengilangan • Nestlé Asean (Malaysia) Sdn. Bhd. (100%) <ul style="list-style-type: none"> – Pengilangan dan pengeksporan produk konfeksi coklat • Nestlé Foods (Malaysia) Sdn. Bhd. (100%; tidak aktif) • Nihon Canpack (Malaysia) Sdn. Bhd. (20%) <ul style="list-style-type: none"> – Pengilangan dan jualan minuman tin | ● |
| 2.4 | Lokasi ibu pejabat organisasi. | Alamat penuh dan butiran ibu pejabat organisasi ini dinyatakan di halaman terakhir laporan ini. | ● |
| 2.5 | Bilangan negara di mana organisasi beroperasi dan negara mana yang mempunyai operasi utama atau berkait khusus dengan isu-isu kemampunan yang dinyatakan dalam laporan. | Fakta Ringkas berkaitan Nestlé S.A. dan Nestlé Malaysia terdapat di muka surat 006 & 007 Laporan NiS 2014. | ● |
| 2.6 | Segi pemilikan dan borang perundangan. | Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai sebuah syarikat pelaburan, manakala aktiviti utama syarikat subsidiarinya adalah seperti tersenarai di atas di nota 2.3. Tiada perubahan ketara pada kegiatan-kegiatan syarikat sepanjang tahun kewangan. Seperti yang didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 1983, pemilikan sah persyarikatan ini adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Terhad mengikut saham • Awam berhad | ● |
| 2.7 | Pasaran (termasuk pecahan geografi, sektor yang menerima perkhidmatan dan jenis pelanggan/penerima faedah). | Syarikat menghasilkan dan membekalkan produk-produk untuk pasaran domestik dan eksport, para pengguna segmen luar rumah (<i>out-of-home</i>) seperti kedai kopi dan operator restoran; serta pemegang berkepentingan lain yang relevan seperti profesional kesihatan yang terlibat dengan program pembelajaran ' <i>Nestlé Start Well, Stay Well</i> '. Syarikat mengedarkan produk-produknya ke seluruh Malaysia, tertakrif kepada 7 kawasan iaitu: Sentral 1 (Kuala Lumpur dan Selangor), Sentral 2 (Negeri Sembilan dan Melaka), Utara 1 (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), Utara 2 (Perak), Selatan (Johor), Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) dan Malaysia Timur (Sabah & Sarawak). | ● |



Penuh



Separa



Tidak dilaporkan

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan | Tahap Laporan |
|-------------|--|--|---------------|
| 2.8 | Skala laporan organisasi. | Skala laporan organisasi, bilangan operasi dan kuantiti produk yang disediakan tertera dalam Fakta Ringkas muka surat 007, dan huraian jualan bersih dan keuntungan dicatatkan pada muka surat 018 dan 019 Laporan NiS 2014. Skala laporan organisasi mengikut kuantiti produk terdapat dalam Laporan Korporat 2013 pada muka surat 018-031 (rujuk Ulasan Perniagaan). Maklumat mengenai pecahan jumlah permodalan dari segi hutang dan ekuiti, jumlah aset dan pemilikan berfaedah (termasuk identiti dan peratusan pemilikan pemegang saham terbesar) tertera di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat dan Kewangan 2014 di muka surat 040-104 masing-masing. | ● |
| 2.9 | Perubahan ketara di sepanjang tempoh pelaporan melibatkan saiz, struktur atau pemilikan. | Tidak ada perubahan ketara di sepanjang tempoh pelaporan yang melibatkan saiz, struktur atau pemilikan. Walau bagaimanapun, terdapat pertukaran dalam barisan pengurusan yang dilaporkan di dalam Struktur Organisasi di muka surat 009 dalam Laporan NiS 2014. | ● |
| 2.10 | Anugerah diterima dalam tempoh laporan. | Syarikat telah menerima beberapa anugerah, sepertimana yang tertera pada muka surat 072 & 073 dalam Laporan NiS 2014. | ● |

3. Parameter Laporan

| | | | |
|-----|---|---|---|
| 3.1 | Tempoh pelaporan. | Dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2014. | ● |
| 3.2 | Tarikah laporan sebelum ini. | Laporan Tahunan Syarikat 2013 yang mengandungi 3 buku: Laporan Korporat, Laporan Tadbir Urus Korporat dan Kewangan dan Laporan Menjana Nilai Bersama telah dicetak pada bulan Mac 2014. Versi online Laporan Tahunan 2013 telah dimuatnaik di laman web korporat kami di: http://www.nestle.com.my/aboutus/investors/annual_report . | ● |
| 3.3 | Kitaran pelaporan. | Kitaran laporan Syarikat adalah tahunan. | ● |
| 3.4 | Pusat hubungan untuk menjawab persoalan. | Maklumat lanjut boleh dihalakan ke Jabatan Hal Ehwal Korporat Kumpulan (GCAD). Butiran maklumat Syarikat boleh didapati di muka belakang Laporan Tahunan dan Laporan NiS 2014. | ● |
| 3.5 | Proses untuk menyediakan kandungan laporan. | Kandungan laporan disediakan mengikut garis panduan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Global Reporting Initiative</i> (GRI) • Garis Panduan Bursa Malaysia • Pesanan kepada Pihak Berkepentingan, pada muka surat 002-005 dalam Laporan NiS 2014. • Strategi Global Menjana Nilai Bersama Nestlé pada muka surat 010 & 011, Laporan NiS 2014. | ● |
| 3.6 | Had laporan. | Had laporan dicatatkan di Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan pada muka surat 004, Laporan NiS 2014. | ● |
| 3.7 | Nyatakan sebarang had khusus mengenai skop laporan. | Pelaporan bagi penanda-penanda Alam Sekitar hanya meliputi kemudahan pengilangan Nestlé Malaysia. Tiada proses khusus bagi pengumpulan data setempat untuk kegunaan pejabat pentadbiran dan jualan kami. Laporan Korporat dan Laporan NiS kami meliputi setiap aspek Unit Perniagaan Syarikat. | ● |

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan | Tahap Laporan |
|-------------|--|--|---------------|
| 3.8 | Asas pelaporan mengenai usahasama, subsidiari, kemudahan sewa, operasi sumber luar dan entiti lain yang boleh memberi kesan perbandingan yang ketara dari semasa ke semasa dan/atau antara syarikat. | Subsidiari syarikat dilaporkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Nestlé Malaysia. Maklumat Kumpulan tercatat dalam Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan pada muka surat 004 dalam Laporan NiS 2014. | ● |
| 3.9 | Teknik pengukuran data dan asas pengiraan, termasuk andaian dan teknik mengenai anggaran yang digunakan pada pengumpulan penanda dan maklumat lain dalam laporan. | Teknik pengukuran data dan asas pengiraan dan data lain yang terdapat pada setiap bahagian Laporan NiS 2014 dicatat dan ditandakan dengan nota kaki pada keempat-empat bahagian utama laporan. Cara, pengiraan atau sumber yang digunakan untuk memperolehi data dan angka boleh didapati pada muka surat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat, muka surat 020-033. • Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar, muka surat 034-047. • Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami, muka surat 048-061. • Para Pengguna dan Pasaran Kami, muka surat 062-071. | ● |
| 3.10 | Penjelasan kesan mana-mana kenyataan semula dalam pelaporan terdahulu dan alasannya (contoh: penggabungan/ pengambilalihan, perubahan tahun asas/ tempoh, sifat perniagaan, kaedah pengukuran). | Tiada kenyataan semula maklumat disediakan dalam laporan sebelum ini. | ● |
| 3.11 | Perubahan ketara dari tempoh pelaporan terdahulu mengenai skop, had atau kaedah pengukuran yang digunakan dalam laporan berkenaan. | Kesemua fakta dan angka yang dilaporkan dalam Laporan NiS 2014 selaras dengan laporan tahunan sebelum ini. Tiada perubahan ketara dari tempoh pelaporan terdahulu mengenai skop, had atau kaedah pengukuran yang digunakan dalam laporan berkenaan. | ● |
| 3.12 | Jadual mengenalpasti lokasi Kandungan Asas di dalam laporan. | Jadual Kandungan Asas GRI terdapat pada muka surat 074-114 dalam Laporan NiS 2014. | ● |
| 3.13 | Polisi dan amalan semasa bagi mendapatkan jaminan luaran untuk laporan. | Polisi dan amalan semasa bagi mendapatkan jaminan luaran untuk laporan ini dinyatakan di dalam Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan pada muka surat 005 dalam Laporan NiS 2014. Syarikat telah memperolehi perkhidmatan PricewaterhouseCoopers untuk mengesahkan laporan ini mengikut Standard GRI 3.1 dan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ISAE3000 yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB). | ● |



Penuh







Separa



Tidak dilaporkan

4. Tadbir Urus, Komitmen dan Penglibatan

| Profil Asas | Penerangan | Rujukan/Jawapan | Tahap Laporan |
|-------------|--|---|---------------|
| 4.1 | Struktur tadbir urus syarikat, termasuk jawatankuasa di bawah badan tadbir urus tertinggi bertanggungjawab untuk tugas tertentu, seperti menetapkan strategi atau memantau selia syarikat. | <p>Struktur tadbir urus Syarikat, termasuk jawatankuasa di bawah naungan badan tadbir urus tertinggi yang bertanggungjawab untuk tugas-tugas tertentu, dinyatakan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat pada muka surat 002-030 dalam Laporan Tadbir Urus Korporat dan Kewangan 2014. Di bawah adalah prinsip-prinsip berhubung dengan struktur keseluruhan tadbir urus Syarikat, dan juga badan tadbir urus yang bertanggungjawab untuk tugas-tugas tertentu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prinsip 1 – Membentuk peranan dan tanggungjawab yang jelas bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan, yang meliputi Prinsip Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah, Peranan dan Tanggungjawab yang Jelas, Kod Etika Para Pengarah dan Kod Perlakuan, Dasar Pendedahan Rahsia, Rangka Kerja Pematuhan dan Program Pematuhan, Undang-Undang Persaingan dan Garis Panduan Pematuhan, Pengguna, Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan, Kemampunan Perniagaan dan Akses Maklumat dan Nasihat. • Prinsip 2 – Mengukuhkan Komposisi Lembaga Pengarah, yang menakrifkan penglibatan Jawatankuasa Pencalonan, di mana tugas mereka termasuklah Pemilihan dan Penilaian Para Pengarah, dan juga penglibatan Jawatankuasa Imbuan, di mana tugas mereka adalah untuk mentadbir Ganjaran Para Pengarah. • Prinsip 3 – Memperkukuhkan Kebebasan Lembaga Pengarah, yang menyatakan perbezaan antara tanggungjawab Pengerusi dan Pengarah Urusan yang menimbulkan kebertanggungjawaban dan membantu agihan tanggungjawab. • Prinsip 4 – Memupuk Komitmen Para Pengarah, yang merangkumi Komitmen Masa dan Latihan Para Pengarah. • Prinsip 5 – Menegakkan Integriti Dalam Pelaporan Kewangan Syarikat, yang menerangkan tujuan Lembaga Pengarah untuk menyediakan dan membentangkan satu penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif bagi prestasi dan prospek kewangan Kumpulan Syarikat pada akhir tempoh kewangan. • Prinsip 6 – Mengenalpasti dan Menguruskan Risiko Kumpulan, yang menyatakan kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman. • Prinsip 7 – Memastikan Pembentangan Tepat dan Berkualiti Tinggi, yang menyatakan aspek-aspek penting dalam polisi komunikasi yang aktif dan membina dalam menyebarkan maklumat kepada para pemegang saham dan pelabur. • Prinsip 8 – Mengukuhkan Hubungan di antara Syarikat dan Para Pemegang Sahamnya, yang memaparkan Lembaga Pengarah bukan sahaja bertanggungjawab kepada para pemegang saham tetapi juga bertanggungjawab untuk menguruskan hubungan yang berjaya dan produktif dengan pemegang berkepentingan Syarikat. <p>Sila rujuk juga LA13 di muka surat 101.</p> | ● |
